

Jilid II
Bil. 5



Hari Selasa
6hb April, 1976

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 481]
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 518]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 519]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

- Yang Berhormat TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kelapa Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petalang).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 6hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PUSAT PENGAJIAN
PEMBANGUNAN MALAYSIA**

1. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
(di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa kegiatan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia pada hari ini adalah terhadap hanya kepada usaha menjalankan seminar, sedangkan seminar ini, pada fikiran rakyat jelata, boleh dikurangkan oleh kerana inflasi atau dijalankan oleh Jabatan atau Kementerian yang berkenaan;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa penubuhan cawangan-cawangan di negeri-negeri dalam Malaysia banyak membazirkan wang negara sedangkan kegiatannya di satu-satu negeri itu tidak sepadan dengan wang yang dibelanjakan;
- (c) mengapa jawatan-jawatan yang kecil sekalipun terpaksa diisi oleh pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur; tindakan Kerajaan berfikir orang-orang tempatan cukup berkelayakan bagi memenuhi jawatan itu sedangkan mereka lebih mengetahui adat resam dan perjalanan negeri masing-masing; dan
- (d) samada Kerajaan sedar bahawa apabila seminar-seminar diadakan, biasanya diadakan di hotel-hotel yang besar dan mahal; tidakkah ada tempat-tempat persidangan yang dapat

digunakan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan; adakah seminar-seminar yang diadakan oleh Pusat ini dibiayai oleh Kerajaan asing, jika ya, nyatakan berapa seminar telah dibiayai oleh Kerajaan asing, jenis seminar, Kerajaan yang berkenaan dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kegiatan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia bukanlah untuk menjalankan seminar-seminar sahaja tetapi mengendalikan penyelidikan siso-ekonomi, mengumpul dan mengedarkan bahan-bahan kajian penting berhubung dengan pembangunan, untuk panduan pegawai-pegawai Kerajaan dan memberi pendapat-pendapat dari seminar dan penyelidikan-penyelidikan itu kepada Kerajaan untuk sebarang tindakan yang sesuai.
- (b) Cawangan-cawangan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia tidaklah ditubuhkan di semua negeri dalam Malaysia tetapi cuma di beberapa tempat sahaja iaitu Sabah, Sarawak, Johor, Pahang, Kawasan Timur Laut (Kelantan dan Trengganu), Kawasan Tengah (Selangor, Negri Sembilan dan Melaka) dan kawasan Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak).

Cawangan-cawangan ini merupakan pusat bagi mendapatkan maklumat dan mengesan masaalah-masaalah pembangunan di peringkat "ground level". Perbelanjaan tiap-tiap cawangan tidaklah banyak dan sedapat mungkin kegiatannya dibiayai bersama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

- (c) Soalan mengatakan yang jawatan-jawatan kecil di cawangan-cawangan tertentu hanya disandang oleh Pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur tidaklah berasas sama sekali kerana kesemua jawatan-jawatan kecil seperti pelayan pejabat, jurutaip, sehinggakan pegawai kerani dan jurutrenkas bagi cawangan-cawangan Sabah dan Sarawak terutamanya adalah dipegang oleh pegawai-pegawai tempatan.
- (d) Tidaklah benar semua seminar-seminar diadakan di hotel-hotel yang besar dan mahal. Hal pemilihan tempatan seminar itu bergantung kepada kesesuaian alat-alat dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan supaya hasil yang sebaik-baiknya boleh didapati. Sedapat mungkin seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia diadakan di dewan-dewan atau bangunan-bangunan Kerajaan sendiri seperti di Dewan Tuanku Abdul Rahman di Kuala Lumpur. Seminar-seminar yang dibiayai oleh perbadanan-perbadanan luar negeri atau badan-badan antara-bangsa bebas untuk memilih tempat yang mereka fikirkan sesuai.

Mengenai seminar-seminar yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia sendiri, memang ada juga yang dibantu pembiayaannya oleh Kerajaan atau perbadanan luar negeri. Simposium antarabangsa mengenai Tenaga dan Alam Sekitar yang diadakan dalam bulan Februari 1974 umpamanya, menerima sumbangan sebanyak \$60,000 dari Mitre-Corporation, Amerika Syarikat. Seminar Penyelidikan bagi Perbadanan-perbadanan Awam di Asia yang telah diadakan pada bulan Mac, 1974 dibantu pembiayaannya oleh International Development Research Centre (IDRC) dari Canada. Selain dari itu seminar-seminar antarabangsa mengenai pembangunan yang pernah diadakan menerima bantuan belanja dari Economic Research and Development Associates (ERDA) dari Amerika Syarikat.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah menjadi dasar Kerajaan Pusat tidak mengambil pegawai-pegawai tempatan untuk memenuhi tempat-tempat kosong Kerajaan Pusat di

beberapa buah negeri di Malaysia dan adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa untuk memenuhi tempat-tempat kosong di bahagian rendah seperti office boys maka ada orang-orang dihantar dari Kuala Lumpur ke beberapa buah negeri untuk memenuhinya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya menerangkan tadi cawangan-cawangan Pusat ini mengambil pegawai-pegawai rendah dari tempat-tempat yang berkenaan dan tidak menjadi dasar supaya pengambilan pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur sahaja.

JEMAAH HAJI MALAYSIA

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan akan mengadakan perundingan dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Arab Saudi mengenai kesulitan yang dihadapi oleh para Jemaah Haji Malaysia dan apakah tidak ada cadangan supaya Urusan Haji dijadikan urusan bersama seluruh Negara-negara Islam, umpamanya diselenggarakan oleh Kongres Islam atau satu badan khusus mengenainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sememangnya telah menjadi lazim untuk merayu dan mengemukakan mengenai sesuatu kesulitan yang dihadapi oleh para Jemaah Haji Malaysia kepada Kementerian Luar Negeri meminta Kedutaan Malaysia di Jeddah berunding terus, melalui saluran-saluran diplomatik dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Arab Saudi mengenai kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh para Jemaah Haji Malaysia.

Maka pada 5hb Mac, 1976 yang lalu pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun menghantar suatu memorandum kepada Kementerian Luar Negeri meminta Kedutaan Malaysia di Jeddah merundingkan serta mengemukakan cadangan-cadangan yang menasabah bagi mengatasi kesulitan-kesulitan yang telah berbangkit daripada pelaksanaan sistem mengerjakan Haji yang baru dilaksanakan pada tahun sudah. Adalah diharapkan semoga pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi dapat mengembalikan

peraturan atau sistem Haji yang asal dahulu. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menghantar pegawai-pegawai kanannya ke Arab Saudi untuk berunding di peringkat pegawai-pegawai di Arab Saudi dalam bulan Jamadil Akhir (Mei/Jun) yang akan datang. Maka adalah diharapkan keadaan yang lebih baik dan selisa akan dapat diatur bagi kepentingan seluruh Jumaah Haji dari Malaysia dengan ihsan dari Kerajaan Arab Saudi.

Adalah sungguh jelas dan ternyata bahawa Kerajaan Arab Saudi mempunyai azam yang bersungguh-sungguh untuk mengawal bandar Suci Mekah dan Madinah dengan mengadakan rancangan-rancangan pembangunan raksasa yang mengagumkan seperti pembesaran Masjidil-Haram di Mekah, sedang berusaha membesarkan Masjidin Nabawi di Madinah, membina lebu-lebuh raya baru, membangunkan jejambat bagi kemudahan-kemudahan melontar Jumrah-jumrah di Minna, juga kemudahan jalan masuk dan keluar ke Padang Arafat. Semuanya ini membuktikan bahawa Kerajaan Arab Saudi bersungguh-sungguh untuk mengatasi kesulitan dan untuk memberi kemudahan serta keselisaan kepada Jumaah Haji yang datang dari seluruh dunia. Insya Allah dalam tempoh tidak berapa lama lagi berbagai kemudahan-kemudahan dan keselisaan dapat diatur.

Cadangan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu pernah dimaklumi di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam dan perkara ini tidaklah perlu dikemukakan lagi kerana ini adalah menyentuh kedaulatan Kerajaan Arab Saudi atas Bandar Suci Mekah dan Madinah yang telah bersungguh-sungguh berusaha untuk mengindah, membesar, mengatur dan mengemaskannya untuk keselisaan umat Islam seluruh dunia waktu menunaikan fardhu haji.

TANGGAGAJI ANGGOTA POLIS DI RAJA MALAYSIA

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa perubahan baru di dalam tanggagaji Anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia dan samada ini akan termasuk segala kemudahan persekolahan percuma, rumah dan sebagainya bagi anak-anak Polis yang terkorban.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Anggota-anggota

Pasukan Polis yang berpangkat rendah secara keseluruhannya, iaitu termasuklah juga di antaranya masaalah-masaalah perumahan dan faedah-faedah persaraan dan sebagainya. Kajian ini masih dijalankan dan tidaklah dapat saya memberitahu butir-butir lanjut sehingga selesainya kajian yang saya maksudkan itu.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, balu-balu anggota-anggota Polis yang terkorban diberi pencen dan sebagai tambahan mereka menerima bantuan daripada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara mengikut kadar-kadar yang tertentu. Anak-anak mereka juga mendapat nafkah serta bantuan persekolahan dari Tabung itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu samada wujud atau tidak insuran khas untuk polis-polis yang telah gugur semasa dalam tugas menentang musuh negara?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu dasar amnya. Pegawai-pegawai Kerajaan tidak ada insuran berlainan oleh kerana Kerajaan yang bertanggungjawab atas nyawa pegawai-pegawai yang mati dalam masa menjalankan tugas-tugas mereka.

KEMALANGAN KAPALTERBANG T.U.D.M.

4. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kemalangan berlaku yang melibatkan kapal-terbang Angkatan Tentera Udara Di Raja Malaysia dengan menyatakan setakat bulan Disember, 1975 jenis kerosakan, sebab-sebab kemalangan, nilai kerosakan setiap kapal-terbang dan kakitangan yang bertanggungjawab di atas sesuatu kemalangan dan juga pangkatnya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan kapal-terbang yang telah berlaku sejak tahun 1965 sehingga ke bulan Disember, 1975 adalah 42 kesemuanya. Bilangan kapal-terbang-kapal-terbang yang terlibat dalam kemalangan-kemalangan itu dan jenis kerosakan yang dialami boleh dibahagikan seperti berikut:

- (a) 14 buah kapalterbang telah mengalami kerosakan yang sederhana yang dapat diperbaiki di tempat di mana kejadian tersebut berlaku;
- (b) 7 buah kapalterbang telah mengalami kerosakan yang agak teruk dan terpaksa diangkut ke pusat memperbaiki kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia atau Syarikat Awam untuk diperbaiki;
- (c) 21 buah kapalterbang tidak dapat diperbaiki untuk digunakan lagi atau terus hilang dan tidak dapat dikesan;

Sebab-sebab berlaku kamalangan kapal-terbang dan bilangan kemalangan yang terlibat akibat sebab-sebab itu adalah seperti berikut:

- (a) kesilapan pemandu "air-crew" kapalterbang ... 24 kesemua-nya.
- (b) kesilapan dalam penyelenggaraan (maintenance) ... 3 kejadian kesemuanya.
- (c) technical defect ... 14 kejadian kesemuanya.
- (d) keadaan cuaca yang menyusah-kan pemanduan kapalterbang ... satu kemalangan.

Jika Ahli Yang Berhormat dapat berjumpa dengan saya selepas mesyuarat nanti, saya akan dapat memberikan kepada Ahli Yang Berhormat maklumat lanjut semua kemalangan ini. Yang ada mengenai nilai kerosakan setiap kapalterbang yang terlibat, bilangan kakitangan yang bertanggungjawab di atas tiap-tiap satu kemalangan itu dan juga pangkat mereka.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberitahu samada benar atau tidak kebanyakan kemalangan kapalterbang Tentera Udara Di raja Malaysia berlaku kerana kapalterbang itu tidak boleh dipakai lagi atau telah dipergunakan lebih yang terdada oleh kapalterbang itu dan samada spare-parts untuk kapalterbang itu diperolehi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab technical defect 14 sahaja dan banyak yang lain-lain. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab, sila.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tak benar kerana jika sekalipun terdapat kapalterbang

yang tua mengikut kata Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi ada Jawatankuasa atau Jabatanarah Keselamatan Penerbangan yang membuat penentuan tiap-tiap kapalterbang itu tentang keselamatannya ataupun "air-worthy"-nya. Tidaklah bermakna jika tua itu tidak boleh digunakan lagi kerana saya percaya Ahli Yang Berhormat setuju yang tua itu kalau dijaga dengan baik kadang-kala lebih berguna lagi. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Makin tua, makin matang (*Ketawa*).

JAMBATAN PULAU PINANG— SEBERANG PRAI

5. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dibuat dalam rancangan pembinaan yang akan menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Prai.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan untuk reka-bentuk dan penyelidikan bagi projek jambatan Pulau Pinang ini telah diterima daripada 8 buah firma perundangan antarabangsa atau international consultants. Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji cadangan tersebut bagi memilih sebuah perunding yang akan menjalankan kerja-kerja tersebut.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu bilakah pembinaan jambatan Pulau Pinang—Seberang Prai akan dimulakan dan bilakah pembinaan akan disiapkan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jadual yang kita adakan pada masa sekarang kerja-kerja physical akan bermula pada bulan Januari, 1978 dan tempoh membina jambatan ini dijadualkan ialah 5 tahun. Jambatan ini dijadualkan akan selesai pada tahun 1982.

PERUMAHAN KEPADA PEKERJA- PEKERJA LADANG

6. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat sebahagian dari tuannya ladang-ladang getah, tidak mengadakan kemudahan-kemudahan

perlu kepada buruh-buruh mereka seperti rumah, bekalan air, bekalan letrik, sekolah, tandas sekolah, bekalan air di sekolah dan padang permainan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau akan ambil bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan ladang yang berkehendakkan pekerja-pekerjanya tinggal di ladang-ladang mereka adalah dikehendaki menyediakan kemudahan perumahan termasuk bekalan air mengikut piawaian yang telah ditetapkan di dalam Akta Perumahan (Piawai Minima) Pekerja-pekerja, 1966. Akta tersebut adalah dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh. Pada amnya majikan-majikan adalah mematuhi kehendak-kehendak berkanun tersebut dan jika terdapat piawaian perumahan yang rendah, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun ladang-ladang tidaklah dikehendaki di bawah Akta tersebut untuk mendirikan sekolah-sekolah ataupun kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan sekolah-sekolah. Perkara-perkara ini adalah termasuk di bawah bidangkuasa Kementerian Pelajaran. Ladang-ladang juga tidak dikehendaki menyediakan bekalan letrik. Walau bagaimanapun, mereka adalah digesa berbuat demikian bahkan pada masa sekarang terdapat banyak ladang-ladang yang telahpun memberi bekalan letrik kepada pekerja-pekerja mereka.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa 70% dari tempat tinggal pekerja-pekerja buruh di ladang-ladang di negeri kita sudah tidak sesuai untuk tempat tinggal di zaman ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memaksa tuan-tuan punya ladang membina semula rumah-rumah itu untuk memberikan kaum buruh tempat tinggal yang lebih baik dan sempurna.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab bahawa Akta Perumahan (Piawaian Minima) Pekerja-pekerja, 1966 telah menetapkan beberapa standard atau piawaian berkenaan dengan

rumah-rumah di ladang-ladang. Akta tersebut itu dikuatkuasakan, jika ada majikan-majikan yang tidak mengikutinya, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mengambil tindakan yang tersebut dalam Akta itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sampai masa sekarang berapa tindakan telah diambil atau tuan-tuan punya ladang-ladang atas taraf kedudukan di ladang-ladang?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puas hati! Banyak tindakan telah diambil.

KENAIKAN YURAN PELAJAR-PELAJAR DI BRITAIN

7. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau telah berunding dengan Kerajaan British mengenai cadangan untuk menambah yuran pelajaran-pelajaran seberang laut sebanyak hampir lima kali ganda, satu langkah yang akan menjejaskan sangat kepentingan beribu-ribu pelajar-pelajar Malaysia di Britain.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan yuran pelajar-pelajar luar negeri yang menuntut di Institusi-institusi pelajaran tinggi di Britain adalah hak negara tersebut dan kerajaan kita tidak berhak campur tangan mengenainya.

Walaupun bagaimanapun, pihak saya akan menimbang kemungkinan merayu kepada Kerajaan Britain tentang perkara ini. Beberapa undangan telah disampaikan kepada saya dan saya akan mengkaji cadangan-cadangan ini. Buat waktu ini saya tidak dapat menerangkan tentang sikap dan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kerajaan Britain telah menguatkuasakan meninggikan yuran untuk pelajar-pelajar itu semuanya bolehkah Kementerian Pelajaran atau Kerajaan Pusat menambahkan biasiswa-biasiswa kepada pelajar-pelajar kita di Britain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu belum sampai lagi tempoh bila sampai bolehlah minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbangkannya.

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan atau Kementerian Pelajaran tidak mengkaji atau mengambil tindakan sekarang, apabila tiba masa Kerajaan Britain menaikkan yurannya, maka lewat untuk pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Britain mendapat tambahan biasiswa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, peraturan mesyuarat menegah seseorang Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan sesuatu perkara yang belum timbul.

L.P.N.—HARGA BERAS IMPOT

8. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada Kementerian beliau akan mengurangkan harga beras impot untuk negeri Sarawak bagi tahun ini memandangkan hasil padi yang merosot disebabkan musim hujan yang panjang.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara tidak dapat mengurangkan harga beras impot untuk Negeri Sarawak oleh sebab harga jualan beras impot di Sarawak sekarang adalah lebih rendah daripada harga beras tempatan di sana.

HARGA PETROL/DISEL

9. Tuan Wee Ho Soon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada mana-sabah bagi Syarikat-syarikat Minyak menaikkan harga petrol dan disel sedangkan sebuah Negara Arab telah mengurangkan harga minyak mentah.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samad): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama rupanya telah dibuat pada 31hb Mac, 1976 dan saya telah memberi jawapan yang penuh.

TANDAHARGA BARANG-BARANG JUALAN

10. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada Bahagian Penguatkuasa di Kementerian beliau sekarang ini sedar bahawa banyak pekedai-pekedai dalam negeri ini tidak menaruh tandaharga lagi bagi barang-barang jualan mereka, dan samada ianya menunggu lapuran dari orang ramai kemudian baharu diambil tindakan; dan
- (b) sepanjang tahun 1976 ini berapa pekedai-pekedai sedang telah dapat dikesan tidak menaruh tandaharga telah dapat ditangkap serta didakwa atas kesalahan itu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya memang sedar bahawa ada di antara pekedai-pekedai dalam negeri ini yang masih tidak meletak tanda harga ke atas barang-barang jualan mereka. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan telah tidak diambil buat sementara waktu kerana Kementerian saya sedang mengkaji beberapa pindaan yang perlu dibuat kepada Perintah-perintah Tandaharga supaya perintah-perintah tersebut dapat diperkuatkuasakan dengan lebih berkesan lagi dan tidak menyusahkan pihak-pihak berkenaan dalam melaksanakannya.
- (b) Berasaskan kepada keterangan yang telah diberi itu, belum ada lagi pekedai-pekedai yang telah diambil tindakan di bawah Perintah-perintah Tandaharga dalam tahun 1976.

ALAT GANTIAN (SPARE PARTS) KERETA POLIS DI RAJA MALAYSIA

11. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang penipuan yang dilakukan oleh firma-firma dalam membekalkan alat-alat gantian kereta kepada Polis Di Raja Malaysia kerana mereka tidak membekalkannya dengan yang tulen, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini adalah terlalu umum. Dan saya akan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menyatakan lebih specific atau lebih tepat sambil memberi butir-butir lanjut tentang tuduhan ini.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan Lapuran Juru Odit Negara Tahun 1972 di mana ada dilaporkan dengan terang berkenaan dengan soalan yang saya kemukakan tadi. Dengan sebab itu tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengetahui bahawa di satu masa dahulu iaitu tahun 1972 Polis Di Raja dengan kelulusan Perbendaharaan telah membeli beberapa alat ganti kenderaan dari sebuah firma kerana Polis Di Raja mengumumkan bahawa cara pembelian itu tanpa daripada kontrek yang masih berkuasa adalah lebih murah, tetapi sudah dibeli didapati bukan sahaja pembelian menerusi firma ini lebih mahal tetapi juga alat ganti yang dibeli itu mutunya bukan daripada perbuatan tulin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi soalan tambahannya apa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana kejadian ini berlaku dalam tahun 1972 tentu pihak Kementerian berkenaan mengetahui dan jika mengetahui apakah kesudahannya siasatan yang telah dibuat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang specific yang sudah tentu Kementerian tahu, tetapi asalnya seolah-olah kejadian ini berlaku seluruhnya. Jadi kalau soalan yang specific itu Kementerian telah membaca Lapuran Juru Odit perkara ini terjadi pada tahun 1972. Siasatan sudah dibuat dan tindakan-tindakan yang telah diambil, umpamanya, selain daripada penyiasatan kita telah melantik seorang Pegawai yang berpengetahuan teknikal sebagai Pegawai Setor Jentera Polis, menambahkan bilangan Pegawai-pegawai Setor dari orang-orang yang berpengalaman teknik dan mengetatkan lagi "quality control", tetapi ini berpunca dari

satu kes yang terjadi pada tahun 1972, bahkan ada pegawai yang sudah meninggal dunia.

KAKITANGAN FAMA

12. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah pegawai-pegawai FAMA telah ditempatkan untuk bertugas di kawasan-kawasan yang terlalu luas hingga mereka tidak dapat mengendalikan dengan sepenuhnya segala hasil pertanian petani-petani dalam kawasan tersebut dan jika ya, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masaalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah saya sedar, kerana kekurangan kakitangan. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan, Insya Allah, FAMA akan cuba menambahkan kakitangannya dengan syarat kewangan negara mengizinkan. Buat sementara waktu bagi mengatasi masaalah ini Pegawai FAMA boleh mendapatkan pertolongan dari Pegawai-pegawai L.P.P. di dalam sesuatu kawasan kemajuan peladang yang ditubuhkan pada masa ini untuk memberi apa-apa kemudahan yang diperlukan.

MANGSA ROGOL

13. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kementerian bercadang meminda undang-undang untuk melindungi mangsa-mangsa rogol supaya kehidupan sex dan identiti mereka dirahsiakan dari diketahui orang ramai semasa pengadilan dijalankan di mahkamah.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang yang ada sekarang, Mahkamah-mahkamah sudah pun mempunyai kuasa-kuasa untuk melindungi mangsa-mangsa rogol supaya kehidupan sex dan identiti mereka dirahsiakan dari diketahui oleh orang ramai semasa pengadilan dijalankan. Oleh yang demikian tidaklah dikehendaki dipinda undang-undang yang ada sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Stephen Robert Evans.

(Soalan No. 14 Y. B. Tuan Stephen Robert Evans tidak hadir).

ANAK-ANAK AYAM BAKA BAIK

15. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kementerian ini sedar tentang kesulitan yang selalu dihadapi oleh kaum Bumiputra untuk mendapatkan anak-anak ayam dari baka yang baik, untuk memasarkan hasil mereka yang mana selalu mereka mengalami kerugian dan untuk mendapatkan makanan yang berkualiti baik untuk anak-anak ayam ini, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang kesulitan untuk mendapatkan anak-anak ayam baka baik. Demikian juga makanan yang berkualiti bagi anak-anak ayam ini, kerana anak-anak ayam itu boleh didapati dari firma-firma tempatan, ladang-ladang penetasan anak-anak ayam tempatan dan juga pusat-pusat ternakan ayam di Johor Bahru, Sungei Siput dan juga di Butterworth. Begitu juga makanan anak-anak ayam pula boleh didapati daripada beberapa Syarikat-syarikat tempatan.

Berkenaan dengan pemasaran pula, saya sedar ini ada berlaku. Sebab kesulitan-kesulitan ini ialah masalah harga hasil ternakan di pasaran tidaklah sentiasa tetap iaitu bergantung kepada supply and demand. Ada kalanya penternak-penternak mengeluarkan hasil yang banyak sedangkan pembeli-pembelinya adalah terhad. Ini menyebabkan harganya turun. Ada kalanya penternak-penternak mengeluarkan pengeluaran yang kurang dan tidak mencukupi untuk keperluan. Ini menyebabkan harganya naik. Soal ini agak sulit untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya sedang mengatur satu rancangan untuk menolong penternak-penternak ini sedang dirancangan untuk memberi credit pengeluaran dan juga pemasaran akan diberi keutamaan.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN JOHOR BARAT

16. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan bagi menjayakan Projek Pembangunan Pertanian Johor

Barat dan bilakah rancangan ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan;

- (b) jumlah ekar kebun-kebun yang terlibat dalam rancangan ini dengan memberikan pecahan-pecahan angka mengikut jenis tanaman yang ditanam;
- (c) jumlah penduduk yang terlibat dalam rancangan ini dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut keturunan kaum; dan
- (d) matlamat Kerajaan dalam projek ini pada akhirnya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek ini dijalankan dalam 2 peringkat. Jumlah perbelanjaan peringkat pertama dianggarkan sebanyak \$233 juta. Jumlah perbelanjaan peringkat kedua belum lagi ditetapkan kerana kajian mengenainya sedang dijalankan. Bagi peringkat pertama kerja-kerja mengadakan infrastructure seperti pamaritan, kemudahan pusat-pusat kemajuan peladang dijadualkan siap pada tahun 1979. Kerja-kerja membangunkan kawasan dan menukarkan corak tanaman tentulah akan mengambil masa.

- (b) Peringkat pertama, kira-kira 330,000 ekar; peringkat kedua, kira-kira 510,000 ekar. Angka-angka ini termasuklah kawasan-kawasan yang belum ada tanaman. Pecahan-pecahan angka mengikut jenis tanaman adalah seperti berikut:

Getah	87,000 ekar
Kelapa	53,000 ekar
Nenas	35,000 ekar
Tanaman Lain (Sayur-sayuran, buah-buahan, koko dan kopi) ...	20,000 ekar

- (c) Lebih kurang 200,000 orang:

Kaum Melayu	61%
Kaum Cina	37%
Kaum India	2%

- (d) Matlamat Kerajaan ialah untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kepada lebih kurang 30,000 keluarga pekebun-pekebun kecil dengan cara memajukan semula tanah-tanah, mengubah corak tanaman, mengadakan

infrastructure seperti pamaritan dan jalan-jalan dan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti pemasaran, kredit dan sebagainya.

PELABUR-PELABUR MALAYSIA

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri atau bilangan pelabur-pelabur yang didaftarkan di Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negeri dengan menyatakan jumlah dan jenis pelaburan-pelaburan tersebut dan di negara mana; dan
- (b) samada Lembaga Ulangkaji telah mengkaji mengenai soal pelaburan-pelaburan Malaysia di luar negeri dan hasil kajian tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah peraturan-peraturan Exchange Control yang agak bebas pada masa ini tidak ada larangan dikenakan terhadap Warganegara Malaysia untuk membuat pelaburan di luar negeri. Bank-bank perdagangan adalah dibenarkan mengeluarkan wang sampai \$1 juta untuk pelaburan di luar negeri. Sekiranya wang yang dibawa keluar itu lebih daripada \$1 juta maka kelulusan daripada Controller, Foreign Exchange adalah dikehendaki. Oleh kerana kelulusan daripada Exchange Control tidak diperlukan untuk warganegara yang ingin membuat pelaburan di luar negeri maka jumlah pelaburan ataupun bilangan warganegara yang mempunyai pelaburan di luar negeri tidaklah dapat diketahui dengan tepat. Walau bagaimanapun daripada perangkaan yang telah diterima oleh Jabatan Exchange Control, Bank Negara, jumlah wang yang dibawa keluar oleh penduduk-penduduk di Malaysia ataupun warganegara untuk tujuan pelaburan di luar negeri dalam bentuk membeli saham-saham dan stock syarikat termasuk harta dan pinjaman-pinjaman kepada orang-orang asing di luar negeri adalah berjumlah sebanyak \$348.9 juta dalam tahun 1975, \$371.8 juta dalam tahun

1974 dan \$383 juta untuk tempoh daripada 8hb Mei sehingga 31hb Disember, 1973.

- (b) Lembaga Ulangkaji yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak ujud dan oleh hal yang demikian tidaklah ada kajian yang telah dibuat mengenai pelaburan-pelaburan warga-negara Malaysia di luar negeri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh sebab bilangan pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri tidak dapat ditentukan sebab angka-angkanya tidak diketahui adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk masa hadapan agar bilangan tersebut diketahui dan perhatian pihak Kementerian didapati dari suatu masa kesatu masa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tentang bilangan-bilangan ini sebagaimana yang saya katakan tadi hanya boleh dikesan dengan bilangan-bilangan pelaburan dengan jumlah bilangan wang yang dilabur diselenggarakan oleh Bank Negara. Jadi apa sahaja tindakan yang boleh diambil hanyalah boleh dibuat oleh pihak yang berkenaan iaitu Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengadakan satu badan ataupun satu Jawatankuasa bagi menapis tentang niat hasrat pelabur-pelabur Malaysia untuk melabur di luar negeri. Adakah pelaburan mereka mendatangkan hasil dan faedah bagi Malaysia atau tidak? Adakah Jawatankuasa seperti itu dicadang akan ditubuhkan?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sekiranya kajian itu dibuat dengan bertujuan untuk menyiasat samada faedah diperolehi oleh negara Malaysia di atas pelaburan warganegaranya di luar negeri, saya berpendapat sudah tentulah dengan adanya faedah diperolehi di atas pelaburan itu. Kalaupun ini tujuannya untuk mengadakan kajian, saya nampak tidaklah begitu perlu mengadakan kajian sedemikian.

PASUKAN KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengadakan satu pasukan kawalan keselamatan khas di hospital-hospital besar untuk mencegah berlakunya pencolekan bayi sepertimana yang pernah berlaku di Wad Bersalin Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi di Dewan yang mula ini pada 2hb April, 1976, dan saya telahpun memberikan jawapannya.

KOMPENSASI KEPADA CIK BADARIAH BINTI ABDUL MANAN

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang membayar wang kompensasi kepada Cik Badariah binti Abdul Manan yang tinggal di Kampung Pecah Batu, Manong, Kuala Kangsar, Perak, yang telah cacat akibat dilanggar oleh sebuah kereta Polis pada 18-7-70 jam 4.00 petang. Jika ya, nyatakan jumlah wang kompensasi yang akan dibayar dan bila.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis tidak menerima laporan bahawa seorang bernama Cik Badariah binti Abdul Manan telah dilanggar oleh kereta Polis di kawasan Kuala Kangsar ataupun kawasan Yang Berhormat iaitu Batu Gajah. Sekiranya Yang Berhormat dapat kemukakan tempat kemalangan, Balai Polis di mana kemalangan itu telah dilaporkan dan nombor report, saya akan mengarahkan pihak Polis menyiasat hal tersebut.

HOSPITAL KECIL DI PUSAT BANDAR JENGKA

20. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital di Bandar Pusat Jengka di atas pertimbangan bahawa Bandar Pusat Jengka adalah sebuah bandar baharu yang memberi perkhidmatan kepada semua

penduduk di Jengka Tiga Segi yang menganungi 23 buah rancangan tanah FELDA dan luasnya hampir sama besar dengan negara Singapura dan jika ya, bilakah hospital itu akan dibina.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaan Rancangan Malaysia Kedua, memang telah ada cadangan untuk membina sebuah hospital kecil di Pusat Bandar Jengka Tiga Segi. Akan tetapi setelah mengkaji pembangunan di Jengka Tiga Segi pada keseluruhannya dan juga kawasan-kawasan di sekelilingnya, Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membina sebuah hospital di Maran kerana ini akan memberi faedah yang lebih kepada penduduk-penduduk di situ. Lagipun pada masa ini sebuah hospital baru sedang dibina di Jerantut dan hospital ini akan memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan utara Jengka Tiga Segi. Hospital yang akan dicadangkan di Maran pula akan dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan selatan Jengka. Walau bagaimanapun rancangan untuk membina Hospital Desa di Jengka tidak akan dibatalkan dan akan diteruskan apabila keadaannya sesuai kelak. Pada masa ini, perkhidmatan Doktor, Pembantu Hospital dan Perkhidmatan Ambulan telah diadakan di Pusat Jengka Tiga Segi itu.

KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS

21. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa di masa beberapa tahun kebelakangan ini ada didapati kekurangan buku-buku teks untuk murid-murid sekolah rendah di Sarawak dan oleh demikian apakah tindakan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran telah berbincang dengan pegawai-pegawai Pejabat Pelajaran Sarawak bulan lepas berkenaan dengan pembekalan buku-buku teks di Sarawak amnya dan Pelaksanaan Sekim Pinjaman Kerajaan khususnya. Supaya kedudukan sebenar dapat diketahui dan tindakan berkesan dijalankan maka guru-guru besar adalah dikehendaki melaporkan apakah dia buku-buku teks di semua peringkat dah jenis sekolah, yang tidak atau belum dapat dibeli atau dibekalkan lagi di Sarawak.

PENYERAPAN PEGAWAI-PEGAWAI TANAMAN SEMULA KELAPA

22. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menyerap pegawai-pegawai sementara di rancangan-rancangan pemulihan kelapa ke dalam perjawatan tetap.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, semua langkah-langkah yang perlu untuk menyerap pegawai-pegawai Tanaman Semula Kelapa sebagai pegawai tetap telahpun diambil oleh Kementerian saya dan telahpun diserahkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan saya percaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sedang menguruskan penyertaan pegawai-pegawai ini.

HARGA MINYAK PETROL/ DIESEL/MINYAK TANAH

23. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan telah meluluskan kenaikan harga minyak petrol, disel dan minyak tanah dan samada beliau sedar dengan berbuat demikian, Kerajaan telah membawa lebih lagi penderitaan kepada rakyat.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang sama telahpun saya berikan pada 31 haribulan.

KEADAAN KESELAMATAN NEGERI PERAK

24. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan keselamatan negeri Perak di dalam bahaya, dan jika ya, adakah beliau bercadang hendak istiharkan undang-undang darurat di negeri tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang keadaan keselamatan dalam negara termasuk Perak adalah serious tetapi terkawal dan saya percaya Yang Berhormat sendiri sudah mendengar taklimat pada 5hb. November, 1975 di Parlimen dan 20hb Mac, 1976 di Ipoh tentulah sama-sama sedar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peristiharan darurat tahun 1969 masih lagi berjalan di seluruh negara termasuk negeri Perak.

PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN

25. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menempatkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di bawah satu pusat untuk mencapai satu perkhidmatan yang lebih baik kerana pada masa sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri tiada dapat mengambil doktor-doktor terutama pakar-pakar dengan sendirinya walaupun keperluannya amat dikehendaki oleh kerana mereka mesti merojokkan perkara itu kepada Kerajaan Pusat.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Jabatan Perubatan Sarawak adalah dibenarkan mengambil doktor-doktor yang mempunyai kelulusan yang boleh didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia tanpa rujukan kepada Kementerian saya di Kuala Lumpur. Demikian juga mereka yang mempunyai kelulusan-kelulusan lepasan ijazah yang diiktirafkan untuk perantikan sebagai Doktor-doktor Pakar boleh dilantik sebagai Doktor-doktor Pakar.

Mengenai soal "decentralisation" bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Sarawak, saya ingin memaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk memberi tekanan kepada perluasan perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya menambahkan lagi liputan faedah perubatan dan kesihatan rakyat. Dasar ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di mana keutamaan akan diberi kepada penubuhan yunit kesihatan yang paling rendah dan pembangunan serta pembaikan hospital-hospital daerah.

MAS—PENERBANGAN MURAH WAKTU MALAM

26. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perhubungan menyatakan samada terdapat sebarang rancangan bagi MAS untuk menambah bilangan penerbangan malam yang murah antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia untuk

menggalakkan lebih banyak lawatan antara negeri-negeri untuk mengeratkan lagi perpaduan kebangsaan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, MAS telahpun melancarkan penerbangan murah waktu malam antara Kuala Lumpur dan Kuching dan antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu. Perkhidmatan penerbangan murah waktu malam ini telahpun ditambah daripada 2 kali seminggu kepada 4 kali seminggu dalam bulan Oktober, 1974 bagi penerbangan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu. Mulai dari bulan November, 1975, perkhidmatan-perkhidmatan murah waktu malam itu telah ditambah kepada 5 kali seminggu. Mengikut kajian dari segi jumlah penumpang-penumpang, jumlah perkhidmatan sebanyak 5 kali seminggu itu adalah mencukupi.

MAS telah juga melancarkan perkhidmatan murah waktu malam sebanyak 1 kali seminggu dan ditambah pula sehingga 2 kali seminggu mulai bulan April, 1975 bagi penerbangan Kuala Lumpur-Kuching. Mulai bulan Oktober, 1976, MAS telah merancang untuk mengadakan 3 kali seminggu penerbangan murah waktu malam di antara Kuching dengan Kuala Lumpur. Pihak MAS sedang juga merancang untuk melancarkan perkhidmatan penerbangan murah waktu malam di antara Negeri Sabah dan Sarawak untuk menggalakkan orang ramai membuat lawatan di antara kedua-dua negeri itu. Pelancaran perkhidmatan yang tersebut mungkin dapat diadakan pada hujung tahun 1976.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan menimbangkan cadangan untuk mengadakan penerbangan murah dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur seperti yang diadakan dari Kuala Lumpur ke Kuching tiap-tiap pagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini mengenai Sarawak, kenapa bawa Pulau Pinang pula.

Tuan S. Samy Vellu: Ini atas penerbangan murah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah (Ketawa).

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan lain. Tetapi walau bagaimanapun, jika difikirkan keperluan-keperluan yang dikehendaki, perkara-perkara seperti ini mungkin diberi pertimbangan.

PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

27. Tuan Ngan Siong Hing: minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki lagi perkhidmatan masyarakat yang sekarang diberikan oleh Kerajaan dalam negeri ini;
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan lagi kumpulan wang Kementerian ini di samping penjualan tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat;
- (c) samada beliau sedar bahawa beribu-ribu rakyat yang miskin yang telah memohon bantuan kebajikan masyarakat telah tidak berjaya disebabkan kekurangan wang; dan
- (d) samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menangkap pengemis-pengemis dan budak-budak jaga kereta yang menyakitkan mata dan menyusahkan orang ramai.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat dan untuk mempastikannya baru-baru ini telahpun ditubuhkan satu Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian yang bukan sahaja merancang program-program yang baru bahkan juga membuat penilaian terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang sedang dijalankan supaya perkhidmatan-perkhidmatan itu berjalan dengan lancar dan baik. Perkhidmatan-perkhidmatan ini dimajukan dalam proses yang berterusan sebagai satu bahagian penting dalam segi pentadbiran perkhidmatan-perkhidmatan ini.
- (b) Peruntukan kewangan yang diperlukan oleh Kementerian saya dibuat melalui anggaran belanjawan tahunan akan tetapi peruntukan muktamat adalah bergantung kepada keadaan kewangan

yang ada. Walau bagaimanapun, saya sukacita menyatakan bahawa peruntukan kewangan untuk perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan adalah meningkat dari setahun ke setahun. Mithalnya peruntukan belanja mengurus bagi tahun 1973 jika dibandingkan dengan tahun 1972 bertambah sebanyak 28%, bagi tahun 1974 26%, bagi tahun 1975 24% dan bagi tahun 1976 20% dari tahun-tahun yang lepas.

- (c) Memang ada orang yang tidak dapat bantuan kewangan tetapi pada hemat saya bilangannya tidaklah sampai beribu-ribu.
- (d) Menangkap pengemis-pengemis dan budak-budak jaga kereta kini adalah menjadi tugas Polis tetapi saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan senantiasa berkerjasama dengan pihak Polis untuk mengatasi masalah ini.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am mengatakan samada Kementerian ini boleh menimbang mengadakan satu pusat pemulihan pengemis untuk mengurangkan jumlah bilangan pengemis di Ibu Kota Kuala Lumpur.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pusat pemulihan pengemis memang ada iaitu Pusat Pemulihan Pengemis di Mersing.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan di Sungai Siput? (*Ketawa*).

Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(*Soalan No. 28 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir*).

PINJAMAN BUMIPUTRA DARI BANK-BANK PERDAGANGAN

29. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kesusahan yang dialami oleh Bumiputra dalam mendapatkan pinjaman daripada Bank Rakyat, Bank Bumiputra dan lain-lain Bank dan jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kesulitan ini; dan

- (b) samada beliau sedar tentang sabotaj terhadap Bumiputra yang ingin mendapatkan pinjaman dari Bank-bank itu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia pernah menerima aduan-aduan daripada orang ramai terutamanya Bumiputra mengenai kesulitan untuk mendapatkan pinjaman daripada Bank-bank Perdagangan dan lain-lain Institusi Kewangan. Aduan-aduan seperti ini dan lain-lainnya adalah diasas oleh Bank Negara Malaysia yang biasanya meminta Bank-bank Perdagangan berkenaan memberi penjelasan terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuat kepada mereka. Pada amnya aduan-aduan ini tidaklah berasas dan lazimnya timbul apabila permohonan pinjaman yang dikemukakan oleh pengadu-pengadu yang berkenaan telah ditolak oleh Institusi-institusi Kewangan tertentu.

Dari segi pinjaman Bank ini tiap-tiap Bank Perdagangan perlu mengkaji beberapa faktor seperti tujuan pinjaman "viability" projek yang hendak dijalankan dan kebolehan peminjam untuk membayar balik pinjaman sebelum sesuatu permohonan itu diluluskan. Bagi aduan-aduan yang didapati benar, Bank Negara telah meminta bank-bank Perdagangan berkenaan untuk menyemak semula permohonan-permohonan tersebut supaya kemudahan pinjaman dapat diberikan dengan cara yang lebih positif.

- (b) Saya tidak sedar tentang sabotaj ke atas Bumiputra yang ingin mendapatkan pinjaman dari Bank-bank Perdagangan. Bank Negara Malaysia sentiasa memerhatikan kemajuan yang dicapai oleh Bank-bank Perdagangan untuk memastikan supaya pinjaman yang mencukupi diberikan kepada golongan Bumiputra. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada kes-kes yang tertentu, ia patutlah melapurkan perkara itu kepada saya atau kepada Bank Negara supaya perkara itu dapat diasas.

KEMATIAN BAYI-BAYI DI HOSPITAL MELAKA

30. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan memberi sebab-sebab berlaku kelambatan penyiasatan umum diadakan di dalam hal kematian luar-biasa bayi-bayi di Hospital Besar Melaka pada bulan November dan Disember tahun lalu dan nyatakan (i) nama anggota-anggota badan penyiasatan umum itu dan (ii) syarat-syarat rujukan badan tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, suka saya memberitahu bahawa Kementerian ini telah mengambil masa sedikit kerana menukarkan taraf badan yang dilantik untuk membuat penyiasatan kematian bayi-bayi itu daripada sebuah jawatankuasa biasa kepada sebuah Suruhanjaya Penyiasatan di bawah kuasa Akta Suruhanjaya Siasatan, 1950, supaya segala perjalanan dan urusan penyiasatan ini adalah di bawah perlindungan undang-undang.

(i) Suruhanjaya Penyiasatan tersebut mengandungi Pesuruhjaya-pesuruhjaya seperti berikut:

1. Encik Sabaruddin bin Othman, Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen, Melaka. (*Pengerusi*).
2. Professor Madya K. L. Lam, Pakar Kanak-kanak Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Dr S.C.E. Abraham, Pakar Kanak-kanak Perunding Kanan, Hospital Besar, Kuala Lumpur.
4. Dr Kuah Kim Boo, Setiausaha Kehormat Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia, Kuala Lumpur; dan
5. Encik Wong Koon Yoon, 115B, Jalan Munshi Abdullah, Melaka.

Encik Salam bin Haji Mohd. Yusof, Pegawai Pentadbir, Jabatan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Melaka telah dilantik sebagai Setiausaha kepada Suruhanjaya itu.

(ii) Bidang tugas Suruhanjaya itu adalah untuk menyiasat dan mengkaji hal keadaan kematian beberapa orang bayi di Hospital Besar, Melaka, yang berlaku dalam tempoh dari 21hb

November, 1975 hingga 30hb November, 1975 supaya dapat dipastikan sebab-sebab dan hal keadaan kematian itu dan samada adanya berlaku apa-apa kecuaihan dan, jika demikian, untuk menentukan di mana terletaknya kecuaihan itu dan juga untuk syor kepada Kerajaan akan langkah-langkah yang patut diambil untuk mengelakkan berlakunya lagi kejadian yang seumpama itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini jika penyiasatan yang dibuat oleh Suruhanjaya sekarang membuktikan ada kesalahan pegawai-pegawai perubatan di Hospital Besar Melaka, tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi jaminan jikalau ada kesilapan berkenaan dengan siasatan itu maka pegawai-pegawai yang berkenaan akan diambil tindakan disiplin yang berat terhadap mereka yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan Tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sebab-sebab terms of reference Suruhanjaya terhad untuk tempoh 21hb November sampai 30hb November sahaja apabila terdapat kematian-kematian bayi-bayi yang luarbiasa yang berlaku sebelum tarikh itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meluaskan tempoh ini untuk mengadakan satu siasatan yang cukup bererti.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya tarikh yang disebutkan dalam jawapan saya itu ialah satu taligrem yang diterima oleh saya daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebutkan 21hb November kepada 30hb November. Ini adalah permintaan daripada Yang Berhormat sendiri maka Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan mengikut apa-apa yang diminta daripada Yang Berhormat sendiri. Jadi kalau Yang Berhormat tukar fikiran dari satu masa ke satu masa saya tidak tahu macam mana kita akan menjalankan tugas-tugas itu. Penyiasatan itu oleh Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja yang telah ditubuhkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun benar taligrem yang pertama yang dihantar kepada Yang Berhormat Menteri itu menyebutkan masa 21hb November sampai 30hb November ialah tarikh yang kita dapati pada siasatan yang awal, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri menerima selepas taligrem itu surat-surat daripada saya yang menyebutkan bahawa kita pun dapat tahu ada kematian-kematian sebelum tarikh itu dan meminta sekiranya ada siasatan tempoh itu mesti diluaskan sampai sebelum tarikh itu. Adakah Yang Berhormat Menteri menerima surat-surat dan membaca surat-surat yang saya hantar kepada beliau selepas saya hantar taligrem dan tarikh-tarikh dan dalam satu perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri saya pun ada menyebutkan bahawa ada kematian-kematian sebelum tempoh itu. Dengan keterangan-keterangan yang saya kemukakan ini bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melanjutkan tempoh siasatan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, berapa lama daripada tarikh menghantar taligrem dengan surat itu?

Tuan Lim Kit Siang: Satu minggu dan lepas itu dalam ucapan saya di Dewan ini saya pun ada menyebutkan kes-kes kematian-kematian yang berlaku sebelum tempoh itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya percaya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang akan bertanggungjawab dan jika beliau sentiasa bertukar-tukar tarikh dengan satu perkara yang disesuaikan oleh beliau itu, maka susahlah Kerajaan akan menerima apa-apa tarikh yang dicadangkan oleh seseorang Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya telahpun menyampaikan perkara ini kepada Jemaah Menteri untuk mencari satu tarikh yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri iaitu satu tarikh yang sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja yang sedang menjalankan tugas pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkata bahawa selepas peristiwa-peristiwa luar biasa mengenai kematian bayi-bayi ini dibongkar oleh saya, adakah pihak Kementerian membuat siasatan atas apa-apa butir yang

dikemukakan oleh saya yang berasas facts atau butir-butir tidak lengkap—tidak cukup oleh kerana semua butir-butir itu telah dirahsiakan oleh pihak Rumah Sakit dan Kementerian Kesihatan, dan adakah Kementerian Kesihatan sendiri berkehendakkan satu siasatan yang mendalam, yang penuh, untuk mendapat tahu samada terdapat kecuai dalam Rumah Sakit Melaka untuk selesaikan perkara ini atau baru sahaja terhad kepada apa yang saya bangkitkan berasas kepada butir-butir yang terhad oleh kerana tindakan-tindakan pihak Kerajaan untuk merahsiakan perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan bahagian pertama, tidak payah dijawab. Soalan Bahagian kedua, kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab, boleh menjawabnya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja sedang menjalankan tugasnya pada hari ini. Jadi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka samada benar atau tidak benar terpulang balik kepada Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja yang sedang menyiasat sekarang. Dengan itu saya tidak memberikan apa-apa jawapan kepadanya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14, 28 dan 31 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

BAHAN-BAHAN PENERBITAN

14. Tuan Stephen Robert Evans meminta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau dengan membuat peraturan dengan Kementerian Penerangan telah membekal bahan-bahan bacaan yang kemaskini dan diminat umum kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri mengenai Malaysia supaya mereka mengetahui keadaan di sini dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat semasa menuntut di luar negeri.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

(1) Ya.

(2) Walau bagaimanapun berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sukacita saya menyatakan iaitu urusan membekalkan bahan-bahan penerbitan untuk penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri diatitkan oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri dan bukan Kementerian Penerangan. Bahan penerbitan yang kemaskini itu dibekalkan kepada penuntut-penuntut di luar negeri untuk membolehkan mereka mengikut perkembangan-perkembangan yang berlaku di Malaysia.

RUMAH PEKERJA KERETAPI SEREMBAN

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan samada beliau sedar tentang keadaan rumah-rumah yang memeranjatkan yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja keretapi di Seremban yang amat lama dan kotor dan samada rumah-rumah baru akan dibina dengan segera supaya dapat memperbaiki kesihatan serta meninggikan semangat pekerja-pekerja keretapi itu.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Pihak Keretapi Tanah Melayu sedang mengambil tindakan untuk menjalankan pembaikan kepada rumah-rumah pekerja-pekerja keretapi di Seremban pada tahun ini. Kerja-kerja penting dari segi kesihatan seperti membekalkan air dan memodenkan tandas-tandas kepada rumah-rumah pekerja-pekerja keretapi di seluruh rangkaian keretapi sedang diatur sekarang. Peruntukan-peruntukan khas akan dibuat untuk menguruskan pembaikan am serta meninggikan taraf keadaan rumah-rumah pekerja-pekerja keretapi di Seremban dan di lain-lain tempat di seluruh rangkaian keretapi akan diusahakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— PEMBERIAN TANAH

31. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada tanah akan diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kepada

orang-orang untuk membina rumah-rumah dengan cara yang lebih liberal; jika ya, sila beri butir-butir lanjut mengenai rancangan tersebut.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa perkara tanah di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri dan dari itu soal pembahagian tanah kepada orang-orang yang tidak mempunyai tanah adalah tertakluk kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri yang berkenaan.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

32. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau akan mengadakan satu peraturan yang menghendaki pemaju-pemaju perumahan mendirikan rumah-rumah murah untuk menolong golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Berikutan dengan seruan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri (Allahyarham Tun Haji Abdul Razak) pada suatu ketika dalam tahun lepas kepada pihak swasta, supaya menggabungkan dirinya dengan usaha-usaha Kerajaan membina rumah-rumah kos-rendah bagi orang-orang dari golongan pendapatan rendah, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan telahpun menahut seruan tersebut dengan mengemukakan cadangan-cadangan untuk mendirikan rumah-rumah kos-rendah di Wilayah Persekutuan. Andainya peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Kerajaan dapat dipatuhi olehnya, Persatuan tersebut telah membayangkan yang ianya sanggup mendirikan lebih kurang 10,000 yunit rumah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Suatu skim perumahan sedang dilaksanakan oleh H.D.A. Perumahan Berhad (yaitu sebuah anak syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan) di Cheras.

Terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan bahawa persatuan tersebut ada berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengemukakan cadangan-cadangan mendirikan rumah-rumah kos-rendah di

negeri-negeri. Adalah diketahui juga bahawa beberapa pemaju-pemaju perumahan perseorangan, samada dengan usaha sendiri atau kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, telahpun mengemukakan cadangan-cadangan mereka untuk mendirikan rumah-rumah kos-rendah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan. Pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta supaya menghubungi Kementerian saya jika ada sesuatu cadangan daripada pihak swasta mengenai rancangan perumahan kos-rendah, agar penyelarasan tindakan ke atasnya dapat diambil.

Oleh kerana terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pihak swasta telahpun menunjukkan kesanggupan menggabungkan dirinya dengan usaha-usaha Kerajaan bagi membina rumah-rumah kos-rendah, maka adalah dianggap tidak perlu bagi Kerajaan Persekutuan meujudkan peraturan-peraturan seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah kos-rendah membantu golongan berpendapatan rendah.

Saya juga ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat dalam usaha menitikberatkan soal mendirikan rumah-rumah kos-rendah, Kementerian saya dijangka mendapat peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan bahawa penyertaan pemaju-pemaju perumahan swasta dalam rancangan perumahan kos-rendah itu merupakan hanya satu daripada strategi-strategi yang akan dilakukan dalam tempuh Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengatasi kekurangan rumah-rumah bagi golongan berpendapatan rendah.

SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA ISLAM—BANTUAN

33. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan nama dan alamat Sekolah-sekolah Ugama Islam (Rakyat) yang telah mendapat bantuan Kerajaan Pusat (Kementerian) pada tahun 1973, 1974 dan 1975 dan jumlah wang yang terlibat serta syarat-syarat bantuan itu diberi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Oleh kerana senarai nama dan alamat sekolah-sekolah Ugama Islam yang terlibat ini adalah panjang saya hanya akan memberi jumlah

sekolah yang terlibat bagi tiap-tiap negeri serta jumlah bantuan yang diberi bagi tiap-tiap negeri.

TAHUN 1973		
Negeri	Jumlah Sekolah-sekolah	Jumlah Bantuan
Kelantan ...	88	\$113,882.00
Perak ...	118	132,884.00
Selangor ...	11	7,990.00
Perlis ...	4	11,350.00
Johor ...	14	15,080.00
N. Sembilan ...	23	18,540.00
Pahang ...	24	15,440.00
Trengganu ...	14	33,120.00
P. Pinang ...	34	45,574.00
Melaka ...	84	91,344.00
Kedah ...	49	97,302.00
Jumlah Besar	463	\$582,506.00

TAHUN 1974		
Negeri	Jumlah Sekolah-sekolah	Jumlah Bantuan
Kelantan ...	88	\$138,890.00
Perak ...	129	54,024.00
Selangor ...	11	8,170.00
Perlis ...	4	11,120.00
Johor ...	16	19,082.00
N. Sembilan ...	23	19,178.00
Pahang ...	25	16,836.00
Trengganu ...	14	40,448.00
P. Pinang ...	37	50,812.00
Melaka ...	89	95,796.00
Kedah ...	50	108,950.00
Jumlah Besar	486	\$563,306.00

TAHUN 1975		
Negeri	Jumlah Sekolah-sekolah	Jumlah Bantuan
Kelantan ...	94	\$161,726.00
Perak ...	139	162,034.00
Selangor ...	12	11,790.00
Perlis ...	4	11,540.00
Johor ...	18	21,128.00
N. Sembilan ...	24	19,744.00
Pahang ...	31	23,666.00
Trengganu ...	14	40,448.00
P. Pinang ...	37	52,186.00
Melaka ...	90	99,110.00
Kedah ...	54	123,448.00
Jumlah Besar	517	\$726,800.00

Sekiranya Ahli Yang Berhormat masih berkehendak satu senarai nama dan alamat sekolah-sekolah berkenaan serta syarat-syarat bantuan, Kementerian saya akan menghantar senarai penuh kepada beliau.

PENGGANAS KOMINIS DI MALAYSIA

34. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar keganasan-keganasan pengganas kominis di Malaysia adalah di bawah arahan parti kominis Peking.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tidak terdapat bukti yang konkrit yang menunjukkan keganasan-keganasan pengganas kominis di Malaysia adalah di bawah arahan Parti Komunis China. Walau bagaimanapun memandangkan bahawa apa yang dipanggil "Parti Komunis Malaya" selalu bergantung kepada Parti Komunis China untuk inspirasi bagi Parti itu maka tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Parti Komunis Malaya adalah diasaskan pada pengalaman-pengalaman Parti Komunis China.

Parti Komunis China adalah menyokong apa yang dipanggil perjuangan pembebasan (National Liberation Wars) termasuklah perjuangan pembebasan yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya. Pada tahun 1975, Parti Komunis China telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Parti Komunis Malaya di atas ulangtahun yang ke 45 Parti itu. Saya sendiri, ketika itu sebagai Pemangku Menteri Luar Negeri, telah mengarahkan supaya penjelasan dari Kedutaan Negeri yang berkenaan diminta dan mengingatkan Kedutaan itu tentang jaminan tegas tidak akan campurtangan dalam urusan dalam negeri yang diberikan oleh Pengerusi Parti Komunis China kepada Pengerusi Barisan Nasional semasa lawatan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ke Republik Rakyat China. Campurtangan seperti ini hendaklah dihentikan demi perhubungan baik antara kedua Kerajaan. Semenjak itu Kerajaan tidak mendengar apa-apa lagi mengenai perkara ini.

BUMIPUTRA MENDAPAT PINJAMAN MARA

35. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah Bumiputra yang menikmati faedah-faedah pinjaman MARA dan jumlah pinjaman itu yang telah diberi kepada kaum Bumiputra sejak rancangan pinjaman MARA itu dimulakan;
- (b) bilangan peminjam-peminjam yang tidak dapat membayar balik jumlah pinjamannya; dan tujuan-tujuan pinjaman itu dibuat.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):

- (a) Semenjak rancangan pinjaman MARA dimulakan, sehingga 31/1/76, seramai 42,930 orang Bumiputra telah mendapat pinjaman dan jumlah nilai pinjaman itu ialah \$180.6 juta.
- (b) Bilangan peminjam-peminjam yang tidak dapat membayar balik pinjaman adalah kecil. Sehingga akhir Januari 1976, hanya 528 pinjaman sahaja atau 0.5% dari jumlah pinjaman, yang telah dihapuskan atau tidak dapat langsung dikutip balik.

Pinjaman-pinjaman yang tersebut adalah untuk modal pusingan dan membeli alatan untuk perdagangan, perusahaan, pemborongan dan kenderaan.

MAJLIS TEMPATAN—MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

36. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan dalam usaha menyusun semula masyarakat berbilang kaum dalam negara ini, apakah langkah-langkah tertentu yang diambil untuk menempatkan kaum-kaum yang kecil bilangannya yang terdapat di dalam kawasan-kawasan Majlis Tempatan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Semua kaum akan diberi layanan yang sama semasa penyusunan semula masyarakat dilaksanakan melalui

penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan. Peluang-peluang yang adil dan saksama akan dibuka kepada sekalian rakyat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial tanpa mengira kaum berpandukan Dasar Ekonomi Baru dan prinsip-prinsip Rukunegara apabila penyusunan semula ini dilaksanakan. Dengan cara begini maka dapatlah kekayaan Negara ini dikecap sama rata dan sama rasa.

RISDA—TUDUHAN RASUAH TERHADAP PEGAWAI

37. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perusahaan utama menyatakan:

- (a) apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai-pegawai Risda yang terlibat dalam rasuah 10 juta ringgit;
- (b) adakah pegawai Kerajaan dihadapkan ke mahkamah mengenai rasuah yang tersebut ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):

(a) dan (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tiga orang yang terlibat di dalam kes ini telahpun dihadapkan di Mahkamah Taiping baru-baru ini. Perbicaraan selanjutnya akan diadakan di Mahkamah tersebut pada 5hb Mei, 1976.

RUMAH-RUMAH HARGA MURAH

38. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan rumah-rumah harga murah untuk golongan berpendapatan rendah yang bekerja dalam sektor perusahaan dan pertanian.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Jawabnya ialah ada.

SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BESI—BANGUNAN TAMBAHAN

39. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada kekurangan bilik darjah di

Sekolah Kebangsaan Sungai Besi, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masaalah tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya sedar. Kementerian Pelajaran telah meluluskan satu projek bangunan tambahan bagi Sekolah Kebangsaan Sungai Besi untuk dilaksanakan dalam tahun 1976 ini.

PENGEMBANG UGAMA KRISTIAN DI PUSAT PEMULIHAN DADAH, PERAK

40. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada benar seorang pengembang Ugama Kristian (Padri) ditempatkan sebagai seorang Penyelia di Pusat Pemulihan Dadah di Perak, jika ya, jelaskan samada pelajaran Ugama Kristian diajar secara langsung atau tidak langsung kepada mereka yang menjalani rawatan pemulihan dadah di sana.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Adalah benar bahawa sehingga baru-baru ini seorang pengembang Ugama Kristian ialah Penyelia, Pusat Pemulihan Dadah Perak, ataupun Pusat Pertolongan, iaitu sebuah badan sukarela. Walau bagaimanapun Penyelia ini kini telah memeluk Ugama Islam.

Ugama Kristian cuma diajar kepada penagih-penagih dadah yang beragama Kristian. Penagih-penagih yang beragama lain diajar ugama masing-masing sewaktu mereka menjalani pemulihan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Polis, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.” (5hb April, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa perbahasan usul ini, daripada 108 orang Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen, daripada 108 orang 41 orang telah menyampaikan ucapannya. Pada hal semalam saya ada nama-nama Ahli Yang Berhormat yang telah bangun yang belum dapat peluang bercakap dan saya telah janjikan supaya dapat disambung lagi hari ini sehingga pukul 5.00 petang. Saya dapat meminta lagi dari Yang Berhormat Menteri supaya diberi lagi masa panjang sedikit sehingga pukul 5.30 petang. Manakala pada pukul 5.30 petang Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan membuat jawapannya. Sekarang saya persilakan Ahli Yang Berhormat dari Jasin.

3.35 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai rakan-rakan saya untuk menyampaikan ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Parlimen yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada menyentuh soal-soal keselamatan dan ancaman-ancaman kominis ataupun pengganas kominis kepada negara kita. Saya suka menyentuh soal-soal ini setelah di dalam peralihan pucuk pimpinan negara selepas daripada Allahyarham Tun Abdul Razak dan demikian juga sebelumnya kegiatan-kegiatan bagi anasir-anasir kominis ini dikatakan telah bertambah lebih-lebih lagi merbahayanya dirasakan oleh negara kita ini. Dari itu pihak Kerajaan selain daripada melengkapkan diri daripada segi ketenteraan yang secukupnya, Kerajaan juga hendaknya dapat melaksanakan secara lebih berkesan lagi akan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kepada mereka yang telahpun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan sekarang telah dibebaskan hendaknya menjadi perhatian yang lebih serious kepada Kerajaan. Kita khuatir dengan kebebasan yang diberikan kepada mereka itu mereka dapat menggunakan kesempatan dan sebagai alat hubungan dengan kominis-kominis dan juga agen-agen pengganas.

Dalam pada itu penempatan di dalam tahanan bagi mereka yang dikenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri hendaknya janganlah ditempatkan di sesebuah khemah tahanan yang tertentu sahaja melainkan hendaklah dipecah-pecahkan kepada beberapa kawasan yang agak sesuai supaya hubungan antara seseorang kominis ataupun pengganas-pengganas ataupun penjenayah itu tidak dapat membuatkan hubungan antara satu dengan lain. Dan lagi bagi mengawal ancaman keselamatan yang ada di negara ini, saya suka juga membawa pandangan kepada pihak Kerajaan iaitu perang saraf yang lebih effective lagi khususnya untuk faedah penduduk-penduduk di luar bandar dan juga di dalam bandar hendaklah dijalankan dengan benar-benar dan juga mengimplementkan Rukun Tetangga pada keseluruhan negara tanpa bertanggung-tanggung lagi. Bagaimana yang kita tahu Kerajaan sekarang menjalankan gerakan Rukun Tetangga hanya pada tempat-tempat yang difikirkan perlu. Jadi

dengan ini saya juga mengharapkan Kerajaan hendaklah menjalankan tugas perlaksanaan Rukun Tetangga pada seluruh tempat dan seluruh kawasan kerana saya berfikir Rukun Tetangga ini adalah amat penting.

Selain daripada perlaksanaan Rukun Tetangga, saya mengharapkan juga supaya Kerajaan benar-benar dapat bertanggungjawab kepada ahli-ahli Rukun Tetangga yang sedang menjalankan tugas-tugas tertentu di kawasan-kawasan masing-masing jika sekiranya ada kemalangan-kemalangan yang berlaku kepada ahli-ahli Rukun Tetangga di dalam satu-satu kawasan hendaklah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dan perlu memberi sara hidup ataupun memberikan ganjaran yang tertentu sebagaimana ahli-ahli Pasukan Keselamatan yang terkorban di dalam menjaga keselamatan negara. Juga saya merayu kepada semua anggota Pasukan Keselamatan yang telah berhenti berkhidmat supaya dapat memberi khidmat semula untuk kepentingan negara di samping Kerajaan hendaknya menyambung lagi tempoh perkhidmatannya yang telah tamat itu. Kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita daripada semua peringkat, saya juga mengharapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat menambah dengan cukupnya anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan lebih-lebih lagi kepada anggota-anggota Pasukan Polis. Sebagaimana yang saya tahu anggota-anggota Pasukan Polis yang telah sedia ada di daerah-daerah dan juga di bandar-bandar kecil, di Balai-balai Polis di seluruh negara kita amatlah berkurangan. Di dalam Pasukan Polis Daerah hanya ada lebih kurang seramai 80 orang daripada pegawainya hingga kepada Polis biasa. Jadi dengan ini hendak mengawal satu kawasan daerah lebih kurang penduduknya hampir 100,000 orang. Jadi dengan ini saya rasa tentulah tidak mencukupi dalam masaalah hendak menjaga keselamatan dalam negara kita.

Selain daripada itu supaya Kerajaan menggerakkan semua jentera Kerajaan selaras dengan usaha Kerajaan hendak mempertingkatkan image Kerajaan bagi perlaksanaan semua projek hendaklah berjalan mengikut jadual yang tertentu. Rakyat hendaklah juga diseru sentiasa benar-benar bertanggungjawab terhadap keselamatan negara dengan mengatur beberapa perjumpaan khususnya, dan ini hendaklah dilaksanakan oleh mass

media Kerajaan dengan kerjasama Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerajaan hendaklah juga mempertingkatkan image dan moral anggota-anggota Pasukan Keselamatan di dalam semua peringkat termasuk keluarganya serta memberi sara hidup yang agak stabil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berikan kepujian juga kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana dengan daya usahanya telah dapat mengatur perjumpaan-perjumpaan khas dengan pemimpin-pemimpin kaum di negara ini bagi menerangkan secara lebih dekat langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi hendak menghapuskan segala bentuk ancaman anasir-anasir penganas-penganas komunis. Usaha yang sedemikian rupa akan menjadi sesia sahaja jika lain-lain agency Kerajaan termasuklah pihak swasta yang juga mempunyai kepentingan di negara ini patut diajak sama menyertai Kerajaan untuk menghapuskan ancaman-ancaman komunis. Kempen-kempen yang lebih berkesan dan meliputi semua golongan dan lapisan rakyat ini dikatakan akan memberi satu gambaran seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu dalam perkataan perang rakyat (people's war). Tanpa berbuat demikian, rakyat merasakan diri mereka tidak terlibat dengan soal-soal ancaman komunis dan terus menyerahkan kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan sahaja. Sekarang pihak Kerajaan sendiri bolehlah terus memperkuatkan undang-undang dan Akta Memiliki Senjata-pi secara haram. Hukuman penjara telah tidak sesuai lagi. Hukuman yang dikenakan ialah hukuman gantung sampai mati tidak ada jalan lain daripada itu jika kita kenakan hukuman ringan seperti 5 tahun ataupun 10 tahun. Ini bererti kita sendiri yang melonggarkan dan dengan mudah pula apabila tempoh hukuman penjaranya tamat seseorang penjenayah itu boleh melakukan apa cara ataupun membuat perkara sambungannya iaitu jenayahnya di dalam negara kita lagi.

Mengenai pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian berhubung dengan demonstrasi pelajar-pelajar di I.T.M. Tegasan Menteri Pelajaran tidak hendak mengambil semula penuntut-penuntut yang melakukan keganasan di I.T.M. adalah dipuji oleh rakyat di kawasan saya sendiri. Memandangkan kepada jumlah penuntut-penuntut di

I.T.M. itu sudahpun meningkat sehingga kepada 7,000 orang. Saya kira sudah sampai masanya Menteri Pelajaran dan Kerajaan mengubah akan dasar kemasukan penuntut-penuntut yang ada di I.T.M. itu. Saya suka membawakan pandangan supaya dihadkan kepada penuntut-penuntut tahun kedua dan tahun ketiga sahaja iaitu diberi peluang melanjutkan pelajaran di I.T.M., sementara penuntut-penuntut bagi tahun pertama diadakan latihan asas di peringkat negeri-negeri ataupun di kawasan-kawasan yang agak sesuai diadakan di tempat penuntut-penuntut itu. Dengan cara begitu tapisan yang lebih rapi lagi dapat diadakan di peringkat negeri ataupun kawasan. Di samping itu pula penuntut-penuntut yang masuk tahun pertama itu dapat ditempatkan di negeri-negeri ataupun kawasan-kawasan dengan tujuan memberi bantuan dan pertolongan yang besar kepada ibu bapa dan keluarga-keluarga penuntut-penuntut itu sendiri dengan menjimatkan perbelanjaan dan lain-lain lagi. Kementerian pelajaran hendaklah juga mengadakan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai dengan perkara ini khususnya di dalam bidang menempatkan beberapa bidang tanah untuk menentukan sesebuah atau menempatkan sesebuah bangunan bagi pembangunan I.T.M. peringkat negeri sebagaimana yang saya katakan tadi.

Saya suka juga menyentuh soal perumahan di dalam projek-projek perumahan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri amatlah sesuai sekarang. Kita berharap supaya pihak swasta yang mendirikan perumahan untuk rakyat di mana rumah-rumah tersebut didirikan di kawasan-kawasan tanah kepunyaan bumiputra hendaklah dikaji semula oleh Kerajaan Negeri. Penjualan-penjualan tanah kepada mana-mana syarikat swasta yang membina rumah di tanah kepunyaan bumiputra tidaklah boleh dilakukan untuk menjaga kepentingan harta orang-orang bumiputra. Ini kecuali bumiputra itu sendiri atau tuan punya tanah itu sendiri ingin hendak mengusahakan iaitu tanah kepunyaan mereka untuk projek-projek perumahan. Sekarang syarat-syarat yang dikenakan kepada mana-mana pihak swasta mendirikan projek perumahan untuk dijual kepada rakyat masih lagi menguntungkan 30% dijual kepada bumiputra sementara yang selebihnya untuk bukan bumiputra. Ini

terlalu rumit apabila terdapat syarikat-syarikat swasta itu menjualkan rumah-rumah mereka dengan harga yang lebih daripada \$25,000 tiap-tiap sebuah. Bumiputra yang pertengahan ataupun yang sederhana tidak mampu membeli rumah dengan harga yang terlalu tinggi. Oleh itu saya syorkan supaya rumah-rumah yang berharga rendah bina di kawasan-kawasan luar bandar juga mahupun di dalam bandar hendaklah lebih daripada rumah-rumah yang berharga mahal.

Terlalu banyak sungutan orang ramai mengatakan pihak swasta hanya mencari untung berlebih-lebihan tanpa memikirkan berapa rakyat terpaksa menderita menanggung hutang-hutang kerana membeli rumah yang bertahun-tahun lamanya. Lagi pula sekarang peluang untuk pihak swasta khususnya dari kalangan bumiputra sendiri yang mempunyai modal yang cukup dan berkemampuan menjalankan projek-projek perumahan di negeri-negeri kurang sangat diberikan kemudahan-kemudahan mengusahakan projek-projek mereka. Sebab sebagaimana kita tahu walaupun ada setengah-setengah negeri iaitu peluang untuk pengusaha-pengusaha bumiputra ada, akan tetapi dari kalangan mereka yang ditemui menyatakan kesukaran untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dari beberapa Jabatan Kerajaan di peringkat negeri dan daerah. Saya contohkan jika syarat-syarat tanah pertanian hendak ditukarkan kepada tanah bangunan ataupun bangunan dan perumahan, bukanlah memakan masa yang pendek tetapi boleh dikatakan memakan masa menukar syarat tanah itu sehingga enam bulan ataupun satu tahun. Jadi dengan ini saya berharap supaya perkara-perkara yang seumpama ini dapat diperbetulkan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Memandangkan kepada keadaan sekarang bilangan rakyat yang memerlukan rumah murah terlalu banyak jika dibandingkan pada tahun empat puluhan ataupun lima puluhan yang lalu, ini bererti pihak Kerajaan haruslah mengadakan satu master plan perumahan di negeri-negeri. Sebagaimana diketahui bahawa urusan kelulusan tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri, maka penyelarasan yang aktif lagi hendaklah diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat sendiri. Saya percaya dengan adanya kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat

juga maka syarikat-syarikat ataupun pengusaha-pengusaha bagi pelaksanaan membina rumah yang sederhana itu dapat dijalankan, maka dengan ini saya percaya segala kemudahan-kemudahan yang dikehendaki rakyat yang tidak ada mempunyai rumah akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat menjalankan tugas-tugas keselamatan dan juga tidak ketinggalan dalam masalah mengendalikan pelaksanaan rancangan pembangunan Malaysia dengan menuju matlamat supaya negara kita mencapai cita-cita keselamatan dan menuju cita-cita pembangunan Malaysia Yang Ketiga di masa akan datang.

3.54 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bersama pandangan yang dibentangkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas Usul Ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada 30hb Mac, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sarawak adalah dibenarkan.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

(*Dengan izin*) While agreeing in principle with the previous speakers, I have a few observations to make on certain matters raised by His Majesty. First of all, the objectives of the Third Malaysia Plan are to achieve unity and to develop resilience among the people in facing challenges, particularly challenges to national security. To achieve such national objectives would be too difficult if we keep on repeating the past mistakes in our economic planning in which we have badly failed to narrow the gap between the "haves" and the "have-nots" of this country. In the past, there were millions and millions of dollars unwisely spent on prestigious projects that would not benefit neither the rich nor the poor. If we really want to achieve our objectives, then we must

review our economic policies and planning that will go together with our ambitions in the Third Malaysia Plan. To be brief, Mr Speaker, Sir, we must stop over lavish spending and the Government must see that every Ministry and statutory body would exercise very careful control over funds and maintain proper administration in order to save millions of dollars and to get rid of red-tape over implementations of Government policies.

Tuan Yang di-Pertua, in Sarawak land shortage has been one of the major problems facing both the Government and the landless. Because of this, a land development plan could not be carried out successfully. For this very reason, Sir, a special Land Bill was passed by the Sarawak Council Negri to enable the Government to open more land for certain development projects. In spite of the credibility of the State Government in this particular respect, we must see to it that the poor natives, especially the Dayaks, who own and work the native customary right lands in Sarawak would not be victimised, because land is almost their sole asset under the present circumstances. If we look around Sarawak towns like Kuching, Sibü, Miri and Simanggang, we can see thousands and thousands of acres of native customary land have gone off their hands and the owners who should develop these lands have to reside somewhere else and have now become landless people. This was because of the lack of care and control over customary right land. To correct this, we must formulate new strategies which will benefit such land owners.

Tuan Yang di-Pertua, I do not mean that the passing of the Bill I mentioned earlier was to victimise the natives, but I just express my fear over certain people who may want to impose their power against certain other people over this matter. So, I hope the Federal and the State Land Ministries would be careful with whatever plans they have over customary right lands so that the land owners would not become landless people in future.

Tuan Yang di-Pertua, during the period of the Second Malaysia Plan both Semenanjung and East Malaysia have launched resettlement programmes to solve the problem of the landless farmers and in Sarawak to prevent the poor farmers from subversive influence and communist insurgency. Many people believe that by resettling these farmers like

that we can improve their standard of living because of the presence of certain facilities like schools, clinics, electricity, water supply and community halls. For a short term, this will be a good thing but in the long run these people will have no future because there is not enough land for their children. So to solve this problem in the case of Sarawak farmers, infrastructures have got to be improved. Trunk roads have got to be completed, at least the section between Simanggang and Sibü, and then to be followed by the construction of feeder roads to enable the farmers to have better marketing facilities and earnings. To enable land owners to develop their lands, joint ventures between statutory bodies and private companies should be encouraged through certain planning. To do this, I fervently hope that the Federal Government would be more generous to the people of Sarawak so that more funds will be made available for the general improvement of the infrastructure in the State.

Tuan Yang di-Pertua, in the field of education, I will draw the attention of the Honourable Minister concerned, who is also now the Deputy Prime Minister, to the pleas made by the rural teachers over teachers' quarters and school building problems. If we want to uplift the morale of the rural teachers we have to see that their quarters and school buildings are built up to acceptable standards, otherwise rural education will become more and more neglected and then the rural children who would form the major population of this country would lag behind in education and tend to be dangerous citizens. I am sure that Yang Amat Berhormat the Minister concerned is aware of this. The Government must not leave the burden to his shoulders alone, but take it as a collective responsibility and let the Ministry of Education have more money to spend in that direction.

Tuan Yang di-Pertua, in the field of foreign relations, I am also gratified with the progress of making our region a zone of peace, prosperity and neutrality as enshrined in the Kuala Lumpur Declaration. To maintain this progress, I believe that ASEAN collective strength with growing economic co-operation and increasing political solidarity must be our prime objective. I also believe the ASEAN Bali Summit to be a turning point in the lives of our peoples, and by respective

economic and social programmes pursued vigorously by ASEAN cohesiveness could reduce the threat from guerilla insurgencies endemic in the region. And eventually, co-operation could make security and stability a natural state of affairs for South-East Asia. In this particular respect, although the era of Western domination in South-East Asia has gone, economic and cultural links with Western nations should be kept so that their economic strength and technological prowess would continue to have a beneficial effect on the development of the region.

4.04 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Usul yang telah dibawa oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

Di sini saya ingin menyentuh tentang dasar pelajaran Kerajaan kita seperti yang dilaksanakan sekarang. Tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan kita telah banyak berusaha dengan seboleh-bolehnya untuk memberi peluang dan latihan kepada rakyat jelata melalui saluran pelajaran supaya masa hadapan rakyat terjamin. Walau bagaimanapun, orang ramai khasnya mereka yang terdiri daripada golongan yang bukan bumiputra masih meragu-ragukan kejujuran Kerajaan dalam melaksanakan dasar pelajaran. Mereka merasa iaitu Kerajaan kita tidak memberi peluang yang sama kepada semua kaum di dalam bidang pelajaran. Memang diakui iaitu penyusunan semula masyarakat di negeri ini hanya dapat dicapai sekiranya layanan yang adil dan sama diberi kepada semua warganegara supaya jangan menimbulkan perasaan yang tidak diinginkan untuk meruntuhkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali membangkitkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan keadaan yang buruk di sekolah-sekolah rendah yang ditempatkan di kampung-kampung baru. Kebanyakan sekolah rendah tersebut telah dibina beberapa tahun dahulu atas daya usaha golongan China dengan cara mengutip derma daripada ibu-bapa dan orang-orang yang rela membantu. Tetapi Kerajaan kita masih enggan memperuntukkan wang bagi pembinaan sekolah-sekolah di kampung-kampung baru ini, manakala banyak sekolah-sekolah kebangsaan telah didirikan di kawasan-kawasan luar bandar tanpa sebarang

keraguan. Saya telah menimbulkan perkara ini di mesyuarat belanjawan yang lalu mengenai sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan di Kampung Bahru Juru yang telah rosak akibat hujan ribut yang kuat pada bulan Disember tahun lalu. Jumaah Pengurus Sekolah telah merayu kepada Jabatan Pelajaran supaya tindakan diambil untuk memperbaiki kerosakan itu, tetapi sehingga sekarang ini tidak ada sebarang tindakan yang telah diambil. Oleh itu, penduduk-penduduk di kampung itu telah mendermakan wang dan mengutip di antara mereka sendiri untuk memperbaiki kerosakan itu. Sebenarnya, pihak sekolah itu telah membuat permohonan bagi membina satu bangunan baru semenjak beberapa tahun yang lalu, oleh kerana keadaan sekolah itu semakin hari semakin buruk, tambahan pula penempatan pelajar-pelajar tidak mencukupi lagi. Jawatankuasa sekolah itu telah mengemukakan rancangan beberapa tahun yang lalu, dan saya berharap pihak berkuasa di Jabatan Pelajaran dapat memberi kelulusan dengan segera.

Sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan di Kampung Chiapa, Bukit Mertajam telah juga diperbaiki hasil derma sebanyak \$3,000 daripada penduduk-penduduk kampung itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu peruntukan yang menasabah dapat diberi bagi kerja membaiki dan membina sekolah khasnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di seluruh Malaysia.

Saya suka menyentuh mengenai waran tender oleh J.K.R. kepada kontraktor untuk projek Kerajaan. Adalah sangat mendukacitakan bahawa dalam tempoh beberapa tahun yang baru lalu ini ada didapati banyak kes di mana pihak kontraktor telah gagal menunaikan kontrak mereka dan ini telah menghalang kemajuan yang sangat-sangat diperlukan untuk pembangunan negara. Sebagai contoh ada satu projek bagi membina bilik darjah tambahan bagi Sekolah Menengah Sains Bukit Mertajam, kerja telah dimulakan pada awal tahun 1974, tetapi setakat ini belum lagi diselesaikan oleh kerana pihak kontraktor telah kekurangan modal. Ada pula satu projek untuk membina sebuah setor perubatan di Bukit Mertajam bagi kawasan utara Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1973, tetapi sehingga sekarang ini hanya batu asas sahaja telah disediakan dan tidak ada apa-apa tindakan yang diteruskan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menimbangkan satu cara yang baru yang lebih cepat bagi memproses permohonan untuk kewarganegaraan. Cara yang dilakukan sekarang tidak memuaskan oleh sebab Jabatan-jabatan berkenaan telah mengambil masa selama 4 atau 5 tahun untuk memproses permohonan-permohonan yang berkenaan. Walaupun pemohon-pemohon telah lulus ujian bahasa serta memenuhi syarat-syarat bermastautin di Persekutuan yang diwajibkan. Keadaan seperti ini membawa kesusahan kepada orang ramai. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengkaji masalah itu dengan lebih teliti supaya permohonan untuk kewarganegaraan atau daripada orang ramai dapat diluluskan dengan lebih cepat lagi.

4.16 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh rakan saya dari Permatang Pauh untuk menyembahkan junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat pada minggu yang lalu.

Saya sangat tertarik hati sebagaimana rakan-rakan saya juga bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ringkas dan pendek tetapi padat dan lengkap menyentuh semua aspek keadaan negara pada hari ini, dan ini melambangkan keadaan kita pada masa sekarang yang memerlukan kita mengurangkan cakap dan banyak menjalankan tindakan untuk faedah negara dan bangsa seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati bahawa Baginda amat menyedari keadaan negara dan rakyat terutamanya dalam Titah Ucapan Baginda lebih menekankan mengenai keselamatan rakyat dan Titah Ucapan itu sangat tepat apabila Baginda bertitah bahawa peperangan rakyat atau people's war bagi mengatasi musuh-musuh negara. Dalam bahagian ini saya berpendapat musuh negara yang paling utama ialah keganasan komunis di samping musuh-musuh negara yang lain samada pihak anti-nasional, penjenayah-penjenayah, perompak-perompak, pengedar dadah, perasuah dan lain-lain lagi.

Dalam memperkatakan keganasan komunis yang telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya yang telah lalu memanglah tepat pepengaran itu perang rakyat kerana keganasan komunis dengan sendirinya menentang rakyat, menentang pembangunan, menentang perpaduan, menentang keselamatan negara dan menentang segala apa rancangan-rancangan yang Kerajaan jalankan untuk faedah rakyat, lebih-lebih lagi musuh-musuh negara ini telah berkeliaran di kalangan rakyat. Dalam perkara ini saya suka menekankan terutamanya keganasan yang dijalankan oleh penjahat komunis itu, sudah barang tentu mereka tidak akan melancarkan tentangan terhadap rakyat, terhadap negara seperti saya katakan tadi sekiranya mereka tidak dapat bantuan dan sokongan daripada talibarut-talibarut mereka, yang saya percaya juga berkeliaran di kalangan rakyat. Mereka itulah yang saya rasa patut kita tentang habis-habisan. Kalau dalam masaalah hendak menghapuskan penyalahgunaan dadah, pengedar-pengedar, penanam-penanam ganja dan mereka yang mengambil peranan penting, undang-undang tertentu telah kita luluskan, maka demikian juga dalam perkara ini mereka yang menjadi talibarut dan yang menjadi talam dua muka atau gergaji dua mata yang mengambil peranan di satu pihak mereka bermuka-muka sebagai rakyat negara ini dan saya percaya setengah daripada mereka ini mendapat nikmat yang lebih daripada kita yang taat setia, tetapi di pihak yang lain mereka menolong, membantu pihak-pihak pengganas yang saya katakan tadi yang menentang Kerajaan, menentang rakyat dan menentang negara.

Saya berseru kepada mereka itu sebelum terlambat, kembalilah ke pangkal jalan yang benar. Saya rasa satu jalan sahaja mereka boleh diampunkan iaitu dengan mereka bertaubat dan mereka memberhentikan sokongan mereka kepada penjahat komunis yang saya katakan tadi dan kalau boleh mereka juga menarik orang-orang yang mereka tolong itu supaya kembali kepada jalan yang benar supaya dapat kita menyelamatkan wang rakyat dan negara yang berjuta-juta ringgit yang kita gunakan untuk menentang mereka semata-mata untuk mendapatkan keselamatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita perlu memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat untuk mendapatkan

penyertaan rakyat dalam menghadapi keadaan ini kerana kalau rakyat tidak dapat penerangan yang lebih jelas, saya percaya Kerajaan sendiri tentu tidak boleh mendapat sokongan dan bantuan mereka. Maka perlu juga penyertaan rakyat itu secara langsung atau secara tak langsung, secara langsung ialah penyertaan rakyat dalam pasukan bersenjata. Kita sedar walaupun Kerajaan kita mempunyai angkatan bersenjata samada angkatan darat, laut, dan udara tetapi seperti saya katakan tadi, perlulah penyertaan rakyat terutamanya patutlah kita membesarkan lagi Pasukan Tentera Wataniah dan satu lagi Pasukan RELA yang telah ditubuhkan hendaklah dilengkapi dengan kelengkapan senjata yang sewajarnya. Peruntukan yang besar patut diberikan. Dan yang pentingnya kalau Rukun Tetangga adalah diwajibkan kepada mereka yang berumur 18-55 tahun, saya juga mengesyorkan supaya penduduk luar bandar dimestikan menjadi Ahli RELA dari umur 18-55 tahun dan di mana di antara umur 18-30 tahun kita wajibkan pula mereka itu mendapat latihan ketenteraan sebagaimana yang dijalankan secara national service ataupun kerahan tenaga rakyat. Tujuannya kerana kita kekurangan keupayaan untuk mengadakan tentera yang selengkapnya dan seberapa banyak yang kita kehendaki. Jadi kalau ada tenaga RELA diberikan latihan tentera yang secukupnya dengan diberi latihan ketenteraan sekurang-kurangnya dapatlah kita jadikan sebagai askar simpanan dan boleh kita gunakan pada bila-bila masa. Selain daripada itu, kita dapat memberikan latihan disiplin kepada belia-belia kita di antara umur yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan mengenai keselamatan negara ini saya perlu juga menyentuh di sini bahawa dasar luar kita patutlah diselaraskan dengan keadaan keselamatan negara kita. Maksud saya kita berjuang bermati-matian, seluruh rakyat diminta menyertai usaha Kerajaan, sedangkan ada pihak-pihak yang mengaku bersahabat dengan kita di satu pihak, tetapi di satu pihak lain mereka memberi sokongan moral kepada penjahat komunis yang menentang kita. Saya masih ingat lagi dalam sidang Dewan yang lalu beberapa soalan telah dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri dan sampai sekarang kita belum dapat jawapan lagi. Saya ingin menegaskan lagi kepada Kementerian Luar Negeri apakah

jawapan atau sudahkah Kerajaan kominis China menjawab bantahan yang dikemukakan Kementerian Luar Negeri mengenai ucapan tahniah yang diberikan oleh Kerajaan Peking kepada Parti Kominis Malaya. Pada anggapan saya sekiranya jawapan tidak diberi kenapa, dan kalau jawapan itu tidak memuaskan memandangkan keselamatan negara yang patut diselaraskan dengan dasar luar negeri patutlah kita memikirkan balik perhubungan kita dengan Kerajaan Peking. Kita tak mahu di satu pihak mereka bermanis muka dengan kita, mengaku bersahabat dengan kita tetapi di pihak lain mereka menyokong musuh kita, musuh rakyat dan musuh negara seperti saya katakan tadi.

Demikian juga baharu-baharu ini Kerajaan Hanoi di mana kita kalau saya tidak salah sudah ada "Charge d'Affaires" kita di sana. Mereka terang-terang menyeru rakyat di negara kita ASEAN ini supaya menentang Kerajaan. Walaupun setengah-setengah pihak mengatakan kononnya mereka kurang faham, kurang mengerti mengenai dengan dasar ASEAN dan sebagainya, kenapa tidak bertanya. Seruan mereka itu dengan sendirinya mereka menentang kita, menentang negara kita dan menentang rakyat. Patutlah kita mengkaji balik semula keadaan ini kalau mereka hendak bersahabat dengan kita, buatlah cara bersahabat, kalau tidak, kita patut membuat penentuan cara yang lain supaya dasar luar negara kita hendaklah sejajar dengan keselamatan negara kita. Tanpa keselamatan dan tanpa keamanan tidak ada ertinya pembangunan, perpaduan dan sebagainya yang menuju kepada kemewahan negara sebagaimana yang diidam-idamkan oleh rakyat sekalian.

Saya suka menyentuh perkara-perkara yang lain yang pada pandangan saya patutlah pihak yang berkenaan mengambil perhatian di dalam perkara ini. Yang Pertama dalam bahagian ini saya hendak menyentuh berkenaan dengan kebajikan jemaah-jemaah haji. Walaupun tindakan-tindakan telah diambil terutama oleh pihak Tabung Haji tetapi tiap-tiap tahun bila jemaah-jemaah haji balik daripada menunaikan fardhu haji berbagai-bagai perkara timbul dan ini patut kita mengambil perhatian yang lebih dalam perkara ini. Saya telah menyebut tadi mengenai Tabung Haji, kita semua tahu pada mulanya Tabung Haji ini ditubuhkan adalah

semata-mata untuk kebajikan jemaah-jemaah haji dan juga barangkali tanggungan-tanggungan mereka. Tetapi pada waktu-waktu akhir ini pada hemat saya Tabung Haji melebihi tugasnya dari segi investment atau pelaburan. Saya setuju memanglah "investment" atau pelaburan menambahkan ekonomi. Ini betul dan memang bagus tetapi hendaklah diimbangkan dengan tugas-tugas untuk kebajikan jemaah-jemaah haji. Memanglah kita sedar kalau \$5 juta kita laburkan mendapat faedah yang besar tetapi kalau barangkali \$5 juta kita gunakan untuk jemaah haji ini habis begitu sahaja pada zahirnya. Tetapi pada hakikatnya kita telah memberi khidmat untuk kebajikan jemaah haji dan meningkatkan imej negara kita bahawa kita juga bertanggungjawab di atas jemaah-jemaah haji kita di mata jemaah-jemaah haji dari negara-negara lain di seluruh dunia. Jadi banyak perkara-perkara yang saya fikir tidak payah saya sebutkan di sini. Hanya satu, dua perkara yang patut saya timbulkan, misalnya, masalah pegawai-pegawai yang menjalankan urusan membantu jemaah-jemaah haji di Mekah. Saya rasa patut kita gunakan tenaga pelajar-pelajar kita yang ada di sana yang lebih tahu keadaan di sana, yang fasih pula berbahasa Arab. Mereka ini kita berikan elaan yang tidak begitu besar sebagaimana gaji yang kita berikan kepada pegawai-pegawai kita.

Demikian juga masalah-masalah rumah, Tabung Haji di Mekah, kita dapat tahu disewakan kepada jemaah-jemaah melalui Sheikh-sheikh, jadi kalau diberikan secara terus dapat lebih murah lagi. Begitu juga mengenai Sheikh-sheikh Haji yang patutnya ditentukan sebelum jemaah haji ini pergi ke tanah suci, katalah, tahun ini ada 4,000 jemaah haji kita anggarlah 100 jemaah haji bagi seorang Sheikh Haji. Kalau 4,000 kita berkehendakkan 40 Sheikh Haji. Kita minta siang-siang nama itu daripada Kerajaan Saudi, ertinya kita tidak monopoli satu-satu Sheikh. Begitu juga lain-lain perkara yang saya rasa patut kita pertimbangkan kerana perkara ini tidak eloklah kita timbulkan berlari-larutan iaitu setiap tahun adalah masalah-masalah yang dikemukakan mengenai dengan kebajikan jemaah haji kita.

Mengenai dengan Kementerian Pelajaran, saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan tadika ataupun Kelas Pra-sekolah. Ini saya rasa sampailah masanya

Kerajaan atau Kementerian Pelajaran memikirkan supaya mengambil alih kerana kelas tadika ini, walaupun kita nampak kelas itu bagi budak-budak ataupun murid-murid kecil bermain-main, tetapi itu penting kerana adalah menjadi asas untuk kanak-kanak masa di sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya sekolah tinggi. Inilah kita hendak jaga. Pada masa ini saya dapati kerencaman di antara satu-satu sekolah atau kelas-kelas tadika ini; ada sistemnya begitu elok dan ada setengahnya sederhana dan ada setengahnya kurang memuaskan. Jadi, eloklah kita seragamkan, sebab saya katakan tadi menjadi asas kepada anak-anak kita untuk mereka di sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya ke sekolah tinggi.

Berkenaan dengan perumahan rakyat, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah menjalankan usaha-usaha untuk ini tetapi apa yang hendak saya tekankan di sini mengenai dengan perusahaan dan perumahan rakyat yang dijalankan oleh pihak swasta. Kita tahu Kerajaan dan rakyat berkehendakkan rumah yang seberapa murah yang boleh didapati, tetapi satu perkara yang saya rasa kita patut mengambil perhatian iaitu saya harap Kementerian yang berkenaan bolehlah mengarahkan ataupun meminta kerjasama dari pihak-pihak berkuasa samada pihak-pihak berkuasa Negeri atau pihak-pihak Majlis Bandaran, pihak Berkuasa Tempatan iaitu masalah mereka yang menjalankan perumahan atau housing developer mendapat kepayahan hendak menukar sub-division, Q.T. dan sebagainya memakan masa sampai dua tahun atau setahun lebih, sedangkan mereka ini mendapat modal daripada Bank yang dikenakan "interest". Kalau lama perkara ini diluluskan bererti interest banyak dan yang menjadi mangsanya ialah rakyat yang membeli rumah itu. Jadi kalau dapat dengan seberapa cepat, sebulan atau dua bulan dapat disegerakan masalah-masalah ini dan rumah-rumah itu segera disempurnakan saya percaya dipihak-pihak "developer" akan dapat memberi harga murah. Saya rasa perhatian patut diambil dalam perkara ini.

Sekarang saya hendak bercakap mengenai perkara yang menyentuh di kawasan Pilihan-raya saya iaitu tol di jambatan Batu Pahat dan Muar. Saya sedar bahawa tol ini ialah satu daripada hasil negara tetapi banyak pihak-pihak berpendapat bahawa dengan

adanya tol ini melambatkan kemajuan terutama perindustrian di kawasan itu yang melibatkan kepentingan rakyat. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengkaji sekiranya benar bahawa dengan sebab tol ini melambatkan pembangunan ekonomi atau perindustrian di kawasan ini patutlah pihak yang berkenaan mengkaji balik semula untuk membatalkan pembayaran tol ini dan lebih-lebih lagi saya dapat tahu bahawa wang yang dikutip oleh tol ini telah dapat menampung perbelanjaan membina jambatan yang tersebut.

Akhirnya, saya bercakap berkenaan dengan kilang nenas kebangsaan di Kulai Sebatang dan juga di Pekan Nenas. Ini telah ditubuhkan semata-mata untuk kepentingan rakyat. Dan baru-baru ini kita juga tahu Kilang Nenas Kebangsaan yang kedua di Pulau Sebatang telah ditutup kerana kerugian. Saya suka mencadangkan sekiranya Kerajaan Persekutuan ataupun pihak yang berkenaan dapat berunding dengan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri mengambil alih dengan membayar balik nilai kedua-dua kilang-kilang nenas yang tersebut itu, saya percaya barangkali Kerajaan Negeri Johor mempunyai keperluan-keperluan tanah dan sebagainya yang boleh dapat digunakan untuk menanam nenas untuk keperluan kilang-kilang ini. Saya percaya dan yakin mungkin dengan cara ini kedua-dua kilang itu akan dapat dijalankan dengan majunya terutama sekali untuk kepentingan rakyat khususnya dalam kawasan yang tersebut.

Sekali lagi saya berharap bahawa sekiranya perundingan dibuat dengan cara yang betul, saya percaya Kerajaan Negeri Johor akan sedia mengambil alih dengan membayar ganti rugi ataupun bayaran-bayaran yang setimpal dengan kedua-dua kilang yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja dan saya sekali lagi menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh rakan seperjuangan saya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh untuk menyembahkan junjungan kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda ketika merasmikan Sidang Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Keempat pada minggu yang lalu.

4.31 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi):

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan di Dewan yang mulia ini pada 30hb Mac, 1976.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dalam Titah Ucapan Baginda menitik-beratkan betapa seriousnessnya masalah keselamatan kebangsaan yang kini dihadapi oleh negara kita. Beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelum saya ini telahpun menitik-beratkan beberapa aspek keselamatan negara kita. Faktor yang utama sekali untuk menyelamatkan masalah keselamatan ialah hanya dengan sokongan dan penyertaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa untuk mencapai perpaduan di dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa seperti negara kita adalah sukar. Tetapi saya beroptimis yang kita dapat mencapai perpaduan sekiranya Kerajaan adalah ikhlas, adil dan saksama dan tegas di dalam segala perbuatannya. Apa yang dikatakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak penting. Tetapi apa yang penting ialah tindakan-tindakan dan pelaksanaan dasar-dasarnya kerana rakyat jelata hanya mengerti kepada perbuatan-perbuatan Kerajaan sahaja. Mereka lebih suka tindakan dan langkah-langkah yang lebih positif daripada kenyataan sahaja.

Sejak 19 tahun kemerdekaan, sebilangan besar rakyat dari segala lapisan mahupun di bandar ataupun luar bandar berasa bahawa mereka telah terbiar daripada pembangunan kebangsaan. Dan mereka juga tidak berpeluang untuk menikmati hasil dan faedah daripada pembangunan-pembangunan tersebut. Seumpamanya di dalam Wilayah Persekutuan baru-baru ini beberapa penternak-penternak ayam dan babi dan penanam-penanam sayur telah terjejas mata pencarian mereka oleh kerana pembinaan beberapa projek lebuh raya dan perumahan dan mereka tidak diberi tanah untuk bercucuk tanam di tapak yang lain. Dengan merujuk kepada soalan saya di mana saya telah bertanya Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan tanah untuk penanaman bagi

petani-petani yang terlibat oleh projek Kerajaan di Wilayah Persekutuan dan berasa kesal dengan jawapan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan itu pada 1hb April, 1976 kerana jawapan yang diberi itu adalah negatif. Beliau telah mengatakan perkara ini adalah satu perkara negeri. Saya fikir sekiranya Kerajaan Pusat ikhlas di dalam hal ini tentulah Kerajaan boleh berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan tanah kepada petani-petani dan penternak-penternak yang terlibat. Saya percaya penternak-penternak dan petani-petani yang terlibat sanggup membayar apa juga kadar pembayaran yang dikenakan sekiranya ianya munasabah dan dengan membuat begitu mereka dapatlah memberi sumbangan mereka kepada rancangan buku hijau.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh menyalahi mereka sekiranya mereka tidak menyokong Kerajaan kerana mereka tidak mendapat pertimbangan yang bersimpati dan sewajarnya daripada Kerajaan. Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang adalah seorang pragmatis dan tegas untuk memberi perhatian yang lebih kepada rakyat jelata yang miskin dan yang terjejas oleh projek-projek pembangunan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional berkata ianya adalah sebuah Kerajaan yang action-orientated. Saya fikir Kerajaan adalah lebih bersimpati dengan orang-orang kapitalis dan tidak menghiraukan kesulitan-kesulitan orang-orang dari kelas bawah.

Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang masalah-masalah banjir yang sering berlaku di kawasan saya di satu tempat bernama Taman United (Taman Lee Yan Lian) Batu 5, Jalan Kelang Kuala Lumpur. Masalah banjir ini telah wujud lebih daripada 10 tahun oleh kerana pembangunan yang tidak beratur serta rancangan yang tidak baik oleh pemaju-pemaju perumahan. Penghuni-penghuni di tempat tersebut sering diberi janji dan harapan oleh pemaju-pemaju dan juga oleh pihak Dewan Bandaraya bahawa satu skim untuk mengatasi masalah banjir akan dilaksanakan di dalam kawasan itu. Tetapi malangnya sehingga ini kita tidak dapat melihat bagaimanakah rancangan itu nampak dan kesan rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1974 saya telah diberitahu oleh Pengarah Jabatan Parit dan Taliair bahawa sekim tersebut akan dilaksanakan dalam tahun 1975 kerana menurut beliau pemaju-pemaju di kawasan tersebut telah bersetuju sekarang pada peringkat dasar untuk memberi sumbangan secara kewangan kepada projek tersebut dan saya juga diberitahu pihak Kerajaan juga akan menampung sebahagian besar belanja sekim tersebut. Tahun 1975 telahpun lepas dan kita masih belum lagi nampak projek yang disebutkan itu setakat ini di dalam hal ini.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi satu jawapan yang tegas di dalam hal ini. Saya juga ingin membawa kepada perhatian Kerajaan sebuah kilang papan sedang di dalam pembinaan berhampiran dengan satu block rumah-rumah pangsa di Taman United. Dengan pembinaan kilang papan itu kesihatan dan kepentingan rakyat di kawasan tersebut terjejas. Saya berharap Kerajaan dapat menyasiat perkara ini dan harap memberhentikan pembinaan kilang tersebut.

4.42 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan mempersembahkan tahniah dan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda ada menyebut rasa sedih dan pilu Baginda atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bekas Perdana Menteri kita yang dikasihi. Jadi untuk merakam dan mensemadikan jasa beliau terhadap negara serta ingatan kepada jenerasi yang akan datang elok rasanya kalau kita buat sesuatu atau namakan sesuatu bangunan yang besar atas nama Allahyarham itu. Kita sudah menubuhkan Yayasan Tun Abdul Razak. Ini adalah sangat molek, bagi mengenang jasa beliau di dalam bidang pelajaran, kerana beliau pada suatu ketika dahulu pernah menjadi Menteri Pelajaran. Untuk mengenang jasa beliau dalam bidang antarabangsa pula

sangat elok jika kita namakan Lapangan Terbang Subang itu sebagai Lapangan Terbang Abdul Razak. Kita tahu Indonesia ada menamakan Lapangan Terbangnya, untuk mengenang jasa pemimpinnya iaitu Lapangan Terbang Abdul Halim Perdana Kesuma. Begitu juga Amerika Syarikat boleh berbangga dengan Lapangan Terbang Kennedynya. Kalau hendak dibalas jasa beliau dengan memberi nama kepada Lapangan Terbang Subang itu sahaja tidak setimpal dengan jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh beliau. Kerana beliau telah membuat jasa dalam berbagai-bagai bidang yang tiada dapat disebut dan tiada dapat dikenang dengan perkataan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang keselamatan dalam Negeri pula ancaman komunis masih tidak boleh diabaikan lagi. Salah satu daripada cara mengatasinya ialah dengan menyempurnakan kehendak rakyat untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Dengan demikian rakyat jelata tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis yang meresap dan meracuni fikiran rakyat dengan berbagai-bagai cacian terhadap Kerajaan serta janji mereka yang palsu. Untuk mencapai maksud ini Kerajaan mestilah berusaha memenuhi keperluan rakyat dengan meninggikan taraf hidup mereka serta menyakinkan mereka bahawa komunis hanya akan menghancurkan hasrat mereka untuk hidup aman dan damai dalam negara yang mereka cintai ini. Langkah yang pertama yang mesti dijalankan ialah membersihkan saluran-saluran di mana komunis telah bertapak dahulu, iaitu kawasan-kawasan hitam yang pada suatu masa dahulu pernah menjadi sarang komunis. Komunis adalah umpama alat yang sentiasa mengharungi tempat-tempat tertentu seperti tempat-tempat yang terdapat benda-benda kotor dan bau busuk. Kalau kita perhatikan ancaman komunis yang kuat sekarang ialah di tempat-tempat yang dahulunya pernah ia bertapak. Jadi Kerajaan mesti memberikan perhatian yang penuh terhadap kawasan-kawasan ini, dengan menguatkan perang urat saraf serta kekuatan pertahanan dan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ialah rasuah. Di kalangan kakitangan Kerajaan kita pada hari ini memang elok kita amalkan dasar ekonomi liberal. Tetapi sistem ini mendedah rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan kepada sogokan rasuah. Dasar ekonomi liberal tidak dapat

dinafikan melahirkan pertandingan yang memaksa pengusaha-pengusaha memberikan rasuah. Jadi untuk mengatasi perkara ini, saya syorkan supaya Kerajaan mengenakan penalti atau denda yang lebih berat terhadap orang-orang yang memberi rasuah sebagaimana yang telah dibuat kepada Akta Senjataapi (Penalti Lebih Berat). Kita nampak kesannya iaitu rompak bersenjata telah berkurangan. Jadi kalau kita kenakan denda yang lebih berat juga terhadap rasuah, saya rasa perbuatan rasuah akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai Pelajaran. Perkara yang biasa kita dengar sungutan ialah mengenai pemberian buku-buku teks. Pemberian atau pengedaran buku teks ini berpusat di Kuala Lumpur sahaja. Patutlah pengedarannya dibuat di peringkat daerah juga supaya dapat berjalan dengan lancar dan kemas serta teratur. Dengan ini murid-murid miskin di luar bandar yang sangat-sangat memerlukan bantuan buku teks ini tetapi murid-murid ini lambat menerima buku-buku ini. Entah di mana sangkut dan apa sebabnya saya tak tahu kadang-kadang sampai bulan April iaitu sudah masuk Penggal Kedua Persekolahan buku ini masih belum diterima lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran juga patut dikaji semula. Kita menekankan pelajaran Ugama Islam. Pelajaran Ugama Islam hendaklah diadakan mulai peringkat dari sekolah rendah lagi hingga ke peringkat Universiti supaya anak-anak kita tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir liar seperti menghisap dadah dan lain-lain.

Institusi Bahasa dan Kebudayaan di Universiti Kebangsaan patut dijadikan pusat penyelidikan Hal Ehwal Ketimuran supaya anak-anak negeri kita yang ingin mendapat ijazah sarjana dalam bidang Kebudayaan Melayu tidaklah perlu melanjutkan pelajaran ke London, Amerika atau lain-lain negeri. Kajian mengenai kebudayaan kita dibuat oleh sebuah negara yang jauh dari negeri kita adalah tidak sesuai. Ijazah Kedoktoran Ph. D. dalam bidang Kebudayaan Melayu patut juga dikeluarkan oleh Universiti Kebangsaan sendiri, tanpa memerlukan siswasiswa kita mendapatkannya di luar negeri yang memakan belanja yang banyak. Satu perkara lagi mengenai Instituti Bahasa dan

Kebudayaan ialah jurusan ini hendaklah dibersihkan dari ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Ugama Islam. Misalnya, wayang kulit yang menekankan keagungan dewa-dewa adalah bertentangan dengan Ugama Islam Kepercayaan terhadap dewa akan mengakibatkan kurang yakin dan iman terhadap Ugama Islam. Kelulusan dalam pelajaran mengenai dewa-dewa tidak akan dapat memenuhi keperluan tenaga manusia di dalam zaman pembangunan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bidang dakwah dan Ugama Islam pula, kita patut mentafsir atau menterjemahkan karya-karya penulis-penulis Islam yang ulung seperti Ibnu Khaldun, Imam Ghazali, Jamaluddin Afghani, Sheikh Mohd. Abduh dan lain-lain. Terjemahan ini akan membentuk dan memajukan fikiran rakyat terutama yang beragama Islam. Buku-buku tersebut juga boleh digunakan di sekolah-sekolah dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat Universiti. Hukum Islam patut juga dijalankan dengan seberapa segera seperti pengharaman meminum arak, judi dan lain-lain bagi orang Islam. Perintah sembahyang Jumaat patut dikuatkuasakan sebagai wajib kepada Umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah penguatkuasaan undang-undang lalu lintas. Saya akan hanya membicarakan tentang kenderaan atau laju yang dikenakan terhadap lori, van dan lain kenderaan yang bertulis perkataan "35 B.S.J." di belakangnya. Kerap kali kita dapati kenderaan-kenderaan ini lari lebih jauh dari had yang ditentukan. Inilah sebabnya selalu berlaku kemalangan jalanraya. Lori yang membawa balak umpamanya boleh dikatakan tidak pernah lari kurang daripada 50 batu sejam. Pukulan angin dari lori ini sudah cukup untuk menjatuhkan sebuah kenderaan yang kecil seperti motosikal. Oleh itu saya berharap supaya kelajuan ini dapat diperhatikan oleh pihak polis demi menjaga keselamatan orang awam dan kenderaan kecil. Kadangkala jalanraya menjadi rosak akibat kenderaan berat ini tidak bersimpati terhadap orang lain. Pengguna-pengguna jalanraya bersungut akan jalanraya yang rosak kerana mereka membayar cukai jalanraya tetapi jalanraya tidak dibaiki. Untuk mengelakkan jalanraya daripada menjadi rosak kederasan kenderaan berat mestilah diawasi supaya Kerajaan tidak payah membelanjakan wang yang

banyak untuk memperbaiki jalan. Satu perkara lagi ialah jalanraya yang dibina melalui kampung iaitu jalanraya Persekutuan atau highway. Ia dibina terlampau berhampiran sangat dengan rumah-rumah. Apabila kenderaan melintas rumah-rumah ini bergegar. Kadang-kadang dibina dileheng bukit yang bertanah merah. Apabila hujan tanah merah ini mengalir ke jalan dan menjadikan jalan itu licin dan merbahaya kepada lalu-lintas. Begitu juga didapati di jalan-jalanraya sekarang berlubang-lubang. Ini adalah merbahayakan kepada kenderaan-kenderaan yang lalu-lintas di atas jalanraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut ialah mengenai tender yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan. Biasanya Kementerian ini mengeluarkan tender yang sangat besar sehingga berpuluh-puluh ribu dan berjuta-juta ringgit. Tender yang besar begini adalah di luar kemampuan bumiputra untuk memberi tawaran. Kita tahu kontraktor bumiputra tidak mempunyai modal yang banyak. Jadi demi untuk memberi peluang kepada bumiputra menyertai bidang perniagaan apalah salahnya tender ini dipecah-pecahkan supaya menjadi antara 50—100 ribu dan lebih rendah daripada itu iaitu di dalam kemampuan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menyebutkan dari segi masaalah tanah dalam negara kita ini. Pejabat Tanah atau Kementerian Tanah ini sistem pentadbiran tanah sekarang ini masih merupakan warisan dari zaman penjajah. Kedudukan Pejabat, Pegawai serta kakitangannya masih tidak berubah, bahkan borang yang digunakan pun masih dalam bahasa Inggeris lagi yang mana bukan warganegara masih boleh memiliki tanah sedangkan warganegara sendiri merasa amat susah untuk mendapatkan tanah. Red tape masih banyak lagi. Saya rasa elok kita pinda Kanun Tanah Negara supaya sesuai dengan keadaan sekarang dan memberi peluang kepada warganegara terutama bumiputra memiliki tanah.

4.51 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul melafazkan ucapan menjunjung kasih di atas Titah

Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Keempat ini seperti yang diusulkan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Permatang Pauh pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di Raja yang mengatakan bahawa Kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang maju yang telah memberikan sumbangan ekonomi kepada negara sangatlah dialu-alukan oleh rakyat di negeri-negeri yang berkenaan dan ini menjadi satu harapan yang sangat besar kepada rakyat dan negeri-negeri itu sendiri untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan di negeri-negeri yang berkenaan. Negeri-negeri yang disebutkan seperti negeri yang kurang maju memang tidak mampu bukan sahaja hendak membuat rancangan-rancangan pembangunan seperti yang dibuat oleh negeri-negeri yang lebih maju bahkan untuk belanja pengurusan bagi negeri itu sendiri pun memang telah menjadi beban yang sangat berat kepada negeri-negeri itu sendiri. Hal ini adalah disebabkan bahawa belanja pengurusan itu pada tiap-tiap tahun di saat-saat yang akhir ini telah meningkat naik dengan banyaknya. Umpamanya, di Negeri Kedah belanja pengurusannya bagi tahun 1971 kira-kira \$36.9 juta tetapi belanja pengurusan bagi tahun 1976 ini sekarang telah meningkat kepada \$63.4 juta iaitu bertambah kira-kira 80% daripada pengurusan belanja tahun 1971. Walau bagaimanapun, negeri-negeri yang disebutkan sebagai kurang maju itu dapat juga menjalankan rancangan-rancangan asas untuk rancangan-rancangan pembangunan seperti pembukaan tapak-tapak industri dan sebagainya. Negeri-negeri yang menghasilkan hasil-hasil tanaman seperti beras memanglah telah memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara sepertimana yang disebutkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi pada minggu yang lalu. Bantuan kewangan yang seimbang dengan sumbangan negeri-negeri itu kepada negara patutlah dipertimbangkan dengan sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara pertanian ini saya mengalu-alukan matlamat Kerajaan hendak memperbanyakkan bahan-bahan makanan keluaran negara kita sendiri. Sesungguhnya negara kita yang dikurniakan oleh Tuhan sebuah negara yang sangat subur ini memanglah mampu dan memang boleh menghasilkan bahan-bahan makanan yang

banyak bukan sahaja untuk keperluan negara kita bahkan pada setengah-setengah bahan itu boleh juga untuk dieksport keluar negeri. Oleh kerana matlamat Kerajaan untuk memperbanyakkan bahan-bahan makanan ini saya fikir boleh menjadi serampang tiga mata iaitu untuk menentang tekanan inflasi, untuk menahan pengaliran wang kita keluar negeri dan untuk mempertinggikan taraf hidup petani-petani. Dipandang daripada sudut ini maka rancangan bagi mencapai matlamat itu hendaklah dirancang dengan rancangan yang secara besar-besaran dan hendaklah dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi daripada masa yang sudah-sudah. Bila saya memperkatakan demikian tidaklah bererti bahawa Kerajaan pada masa yang lalu telah tidak merancangannya dengan bersungguh-sungguh, tetapi apa yang saya maksudkan ialah supaya rancangan-rancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga kelak di bidang pertanian hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berkesan dalam erti kata mencapai matlamat itu dan tidaklah lagi perlaksanaannya masih bersifat percubaan ataupun pilot scheme sepertimana yang sudah-sudah.

Sesungguhnya rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak memanglah satu rancangan yang sangat baik bagi mencapai matlamat itu tetapi oleh kerana pelaksanaan rancangan itu pada amnya masih lagi bersifat percubaan dan masih banyak lagi yang boleh dipersoalkan, perlaksanaannya tidak seimbang dengan gendang yang dipalu. Akibatnya bukan sahaja pihak-pihak yang hendak melancarkan rancangan itu, maksud saya pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat negeri dan daerah dalam keadaan yang teragak-agak dan keadaan yang serba salah hendak melaksanakannya dengan secara yang lebih berkesan bahkan suatu akibat yang lebih besar lagi ialah kepercayaan petani kepada rancangan Buku Hijau itu sendiri menjadi pudar dan tidak bercahaya lagi sedangkan pada mulanya rancangan itu disambut oleh petani-petani dengan sambutan yang penuh cahaya dan meletakkan harapan yang sangat besar kepada kehidupan mereka.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya hendak menyebutkan rancangan-rancangan oleh pertubuhan L.P.P. ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang di dalam kawasan MADA dan di luar kawasan MADA. Contoh di luar kawasan MADA

bersabit dengan rancangan kredit mengerjakan sawah oleh L.P.P. Pada satu masa dalam tahun 1976 saya mendapat peluang mengikuti perbincangan pihak L.P.P. dengan Pegawai L.P.P. Tempatan dalam menimbangkan permohonan pesawah-pesawah di kawasan Pegawai L.P.P. di tempat itu masing-masing. Dalam perbincangan itu saya dapat kepastian bahawa kira-kira 50% sahaja ataupun kurang daripada itu yang diluluskan, yang lain ditolak atas alasan bahawa rancangan ini masih dalam percubaan. Apakah akibatnya kepada pesawah-pesawah yang menjadi Ahli kepada L.P.P.? Akibatnya mereka terus berhutang kepada orang tengah dengan faedah yang mahal dan bukan sahaja rancangan yang tidak memberi kesan kepada L.P.P. itu sendiri tetapi yang pentingnya, yang besarnya, yang membimbangkan ialah kepercayaan petani-petani itu kepada rancangan L.P.P. menjadi pudar dan hilang cahaya.

Contoh yang lain, Tuan Yang di-Pertua, ialah rancangan L.P.P. dalam kawasan MADA. Seperti yang dimaklum bahawa syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dalam kawasan MADA pentadbirannya diubahkan daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama dan diletakkan di bawah kawalan L.P.P. ataupun Pertubuhan Peladang. Kalau saya tidak salah ada sebanyak 252 buah syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian yang terdiri daripada syarikat serbaguna, syarikat kilang padi dan sebagainya dalam kawasan MADA itu hanya dikawal oleh empat orang Pegawai L.P.P. sahaja. Sedangkan dalam masa syarikat-syarikat itu di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Kerjasama syarikat-syarikat yang sebanyak itu dikawal oleh hampir 20 orang pegawai syarikat, itupun perjalanannya tidak sepertimana yang dikehendaki. Betapa halnya kalau 252 buah syarikat hanya dikawal oleh empat orang pegawai sahaja. Saya sedar dan saya faham bahawa syarikat-syarikat itu akan menjadi yunit kepada Pertubuhan Peladang. Tetapi sejauh manakah perlaksanaan yang telah dijalankan. Jawabnya dalam keadaan yang serba tidak cukup. Dalam keadaan yang serba belum cukup. Belum cukup pegawai, pegawai dalam latihan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan-keadaan belum cukup, mengapakah Kerajaan mengambil alih atau menukar alih pentadbiran syarikat kerjasama yang berasaskan kepada pertanian itu

daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama kepada Jabatan L.P.P. Kalau semuanya masih belum siap mengapakah tidak disiapkan lebih dahulu supaya tidak menjadi suatu yang tidak baik dan banyaklah perkara lagi yang boleh dipersoalkan dalam masaalah ini.

Apabila saya menyentuh perlaksanaan rancangan L.P.P. tadi saya tidak bermaksud sama sekali hendak membuat kecaman kepada L.P.P. dan saya tidak juga mengatakan rancangan L.P.P. itu tidak baik. Tetapi apa yang saya sebutkan bersabit dengan L.P.P. ialah sebagai contoh semata-mata. Bahawa perlaksanaan bagi mencapai, membanyakkan bahan-bahan makanan keluaran negara kita sendiri setakat ini masih belum berjalan dalam erti kata untuk mencapai matlamat itu, kecuali dalam bidang pengeluaran padi dan beras. Ada kecualinya, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya beralih tentang rancangan berbendang dua kali setahun. Oleh kerana perlaksanaan rancangan itu sungguh baik maka rancangan bersawah dua kali setahun itu telah mendapat sambutan yang sangat baik dari pesawah-pesawah sendiri. Saya menaruh yakin dan percaya jika rancangan yang lain disusun dan dilaksanakan dengan begitu rupa tidak syak lagi bahawa rancangan itu akan mendapat sambutan yang baik daripada petani-petani. Dengan sebab itu, maka matlamat untuk membanyakkan bahan-bahan makanan keluaran negara kita tadi akan mengenai sasarannya, insya Allah.

Sesungguhnya kaum tani di negara kita Malaysia ini adalah bersedia hendak menyambut rancangan-rancangan yang dibuatkan oleh Kerajaan asalkan rancangan itu mendatangkan hasil pendapatan yang seimbang dengan titik peluh mereka, asalkan rancangan itu boleh menjamin pendapatan dan penghidupan mereka. Sebagai contoh izinkan saya membawa contoh bersabit dengan rancangan Kerajaan hendak mengeluarkan padi dan beras untuk keperluan negara. Umpamanya, negeri Kedah, Perlis dan Kelantan. Oleh kerana pada masa sebelum perang dan sebelum merdeka dahulu keadaan pesawah-pesawah pada masa itu semuanya dalam keadaan serba-serbi yang terbiar, mereka terbiar oleh kerana padi kunca atau padi ratut, mereka terbiar oleh tekanan orang-orang tengah dalam masaalah pasaran, mereka terbiar dalam perlaksanaan harga yang tidak ada jaminan Kerajaan dan

lain-lain masaalah lagi dalam erti kata pada masa itu sungguh-sungguh pesawah-pesawah dalam keadaan terbiar. Dengan sebab itu, banyaklah pesawah-pesawah di Kedah, Perlis, Kelantan dan lain-lain negeri lagi berhijrah ke kebun-kebun getah dan banyak pula yang berhijrah ke Selatan Siam dan ada yang menetap sampai sekarang ini. Dengan sebab itu, bila Jepun datang kita telah diajar makan ubi kerana kekurangan beras maka bila sudah merdeka berbagai-bagai rancangan yang dijalankan untuk membantu pesawah-pesawah. Dengan rancangan L.P.N.nya, dengan rancangan L.P.N.nya, dengan rancangan kerjasamanya dan sebagainya yang menyebabkan pada masa ini petani-petani atau pesawah-pesawah menyambut rancangan bersawah ini dengan sepenuh-penuh hati. Dengan sebab itu, saya menekankan ucapan saya ini supaya perlaksanaan matlamat bagi mencapai bahan-bahan makanan untuk keluaran negara kita sendiri hendaklah dilaksanakan dengan lebih berkesan dan lebih bersungguh-sungguh daripada Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat faham bahawa daripada laporan Jabatan-jabatan Kerajaan ada bermacam-macam jenis bahan makanan manusia dan haiwan yang pada masa ini diimpot daripada luar negeri sedangkan bahan-bahan itu boleh dihasilkan oleh bumi Malaysia kita sendiri. Soalnya mengapakah bahan-bahan itu terpaksa juga dibawa masuk dan mengapa petani-petani Malaysia tidak mahu mengusahakannya. Ini adalah berpunca bahawa petani-petani yang menghasilkan bahan-bahan itu masih di dalam keadaan terbiar sama seperti terbiarnya pesawah-pesawah di zaman sebelum perang dan sebelum merdeka dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang hendak saya sentuh ialah Titah Di Raja yang berbunyi:

“Dengan ini Kerajaan Beta akan dapat melaksanakan dengan lebih giat lagi bukan sahaja rancangan-rancangan pembangunan tetapi juga menegakkan keadilan sosial dan keteguhan rohaniah.”

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang dengan tegasnya hendak melaksanakan rancangan yang lebih giat lagi untuk menegakkan keteguhan rohaniah di samping rancangan-rancangan

pembangunan kebendaan, keadilan dan sosial. Oleh kerana kita sekalian terutamanya yang beragama Islam telah mendapat kata sepakat di dalam dan di luar Dewan ini iaitu betapa pentingnya pembangunan rohaniah itu, maka saya tidaklah berhajat hendak memperkatakan perkara itu dengan lebih lanjut lagi kerana perkara-perkara yang seperti itu telah banyak diperkatakan oleh rakan sejawat saya yang telah mendapat peluang berucap dahulu daripada saya. Apa yang hendak saya tekankan dalam perkara ini ialah satu sahaja iaitu perlaksanaan rancangan pembangunan rohaniah dalam Rancangan Malaysia Ketiga kelak hendaklah dilaksanakan dalam erti kata yang lebih besar dan lebih berkesan. Sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, di ibu negara kita Kuala Lumpur ini tertegaklah sebuah bangunan untuk dakwah yang ada pada masa ini lengkap dengan alat perkakas, lengkap dengan pegawai dan lengkap dengan strategi dakwahnya sendiri, untuk menjadi tauladan kepada negeri-negeri yang lain dan untuk menjadi kebanggaan kepada kita Malaysia sebagai sebuah negara yang Islam sebagai ugama rasminya. Itulah seruan saya yang akhir.

Pada akhirnya, saya turut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di pembukaan Dewan ini.

5.18 ptg.

Tuan Loh Fook Yen (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah dan menyokong usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Di Raja yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Terlebih dahulu saya suka menyentuh tentang soal keselamatan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tamatnya Perang Dunia Kedua rakyat berbilang bangsa yang taat setia kepada tanahair dan juga menganggap negara ini sebagai tanah tumpah darahnya telah bersama-sama tampil ke hadapan serta mengorbankan nyawa mereka untuk memperjuangkan dan mencapai kemerdekaan tanahair yang kita sama cintai ini. Dalam perjuangan yang murni itu, rakyat berbagai bangsa di negara ini telah berhadapan dengan berbagai musuh. Mereka talah menewaskan penjajah, pengkhianat

negara, anasir-anasir anti-nasional dan juga pengganas komunis. Hanya dengan mengatasi rintangan dan halangan yang rumit seperti ini barulah kemerdekaan yang kita nikmati sekarang dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengorbanan yang besar yang telah disumbangkan ini maka adalah menjadi kewajipan setiap rakyat bagi menjaga hasil yang telah kita capai ini dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling serious yang sedang dihadapi pada saat ini oleh negara ialah masalah keselamatan dalam negeri seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun pernah menyatakan demikian baru-baru ini. Memandangkan seriousness perkara ini maka dalam Titah Ucapan Di Raja telah mengajak seluruh rakyat supaya tampil ke hadapan menyertai perjuangan menentang pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional, kerana ini adalah merupakan satu perang rakyat. Titah Ucapan Di Raja selanjutnya menambah iaitu rakyat perlu menyertai bahawa kemenangan dalam peperangan pengganas komunis dan anasir-anasir anti-national adalah merupakan kemenangan rakyat sendiri. Dengan perkataan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, pengganas komunis dan anasir anti-national adalah musuh rakyat dan negara. Ini juga bermakna bahawa selagi musuh-musuh ini tidak dapat ditewaskan atau dihapuskan begitulah rancangan pembangunan akan terbantu dan cuma membazirkan tenaga manusia dan wang ringgit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menentang dua golongan musuh yang berniat jahat ini janganlah kita membiarkan beban yang berat ini dipikul oleh Pasukan Keselamatan sahaja. Semua rakyat patutlah bersama memikul beban ini. Dalam konteks ini, saya sukalah menyeru kepada Kerajaan supaya kerahan tenaga atau national service dilancarkan untuk memberi latihan tentera kepada setiap rakyat yang muda. Hanya dengan melalui cara demikian barulah Kerajaan dapat melibatkan setiap warganegara dalam tugas mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara. Dengan menjalankan kerahan tenaga bukanlah sahaja rakyat dapat menerima latihan tentera untuk menjaga keselamatan dan kemerdekaan tanah air bahkan dapat juga kita mendisiplinkan

masyarakat dengan wujudnya satu masyarakat yang berdisiplin, perpaduan rakyat juga dapat diperkukuhkan. Jika kita menjalankan kerahan tenaga bukanlah bermakna kita hendak menjadikan negara ini sebagai satu negara tentera. Negara kita perlu bersedia menghadapi sebarang cabaran-cabaran pada bila-bila masa sahaja dan setiap rakyat wajib memainkan peranan masing-masing dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara sekiranya mereka tidak mahu menjadi orang yang tidak bernegara. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan melalui kerahan tenaga atau national service maka barulah dapat kita mengujudkan satu masyarakat yang berdisiplin, bersatu padu, gigih dan kekal abadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya perlu juga bagi Kerajaan meninjau dan mengkaji secara mendalam tentang sebab-sebab wujudnya penganas komunis dan anasir-anasir anti-national di negara ini. Biasanya ideologi komunis hanya membiak di atas kemiskinan dan anasir-anasir anti-national cuma boleh hidup dalam perasaan tidak puas hati. Oleh yang demikian, selagi kita tidak dapat mengatasi kedua-dua masalah ini kita tidak akan dapat menghapuskan dua golongan yang merbahaya ini dengan sehabis-habisnya. Sebaliknya jika Kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut maka mereka tidak akan berpeluang untuk menjejak tapak di negara ini. Kemiskinan ini tidaklah ada perbatasan. Kemiskinan terdapat juga di dalam masyarakat keturunan orang Melayu begitu juga di dalam keturunan masyarakat China, India dan lain-lain. Jika kemiskinan rakyat dibiarkan begitu sahaja ia akan menjadi lebih buruk dan akan memberi peluang keemasan kepada komunis yang akan memperalatkan keadaan tersebut untuk menjahanamkan sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan sekarang ini. Pada masa yang lampau khasnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua, usaha-usaha pembangunan kebanyakannya ditumpukan di kampung-kampung. Tetapi saya berharap pada masa akan datang atau dalam masa mengkaji Rancangan Malaysia Ketiga, perhatian akan dapat juga ditumpukan ke Kampung-kampung Baru oleh Kerajaan supaya hasil pembangunan juga dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di dalam Kampung-kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi patutlah juga saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu cara pelaksanaan sesuatu dasar Kerajaan kerap kali menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara rakyat. Sikap kelalaian setengah pegawai yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan itu selalu mengakibatkan kegagalan. Keadaan seperti ini akan memperalatkan oleh anasir-anasir anti-national untuk menimbulkan huru-hara. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi Kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab ini untuk kepentingan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit tentang soal pelajaran. Pelajaran adalah alat untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran bagi sesuatu negara terutamanya bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Negara kita memerlukan tenaga mahir yang terlatih bagi menjalankan rancangan-rancangan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan supaya negara ini dapat menjadi sebuah negara yang maju dan makmur. Hakikat ini telah dapat dibuktikan di negara-negara yang telah maju seperti negeri-negeri yang telah dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep menggunakan pelajaran untuk mencapai matlamat negara kita perlu memperluaskan hak-hak dan peluang menerima pelajaran kepada tiap-tiap orang rakyat jenerasi muda tanpa mengira bangsa mereka khasnya untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan iktisas. Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di negara ini harus mengambil penuntut-penuntut dengan cara yang adil iaitu pengambilan berdasarkan keputusan peperiksaan atau kelayakan akademik dengan perkataan yang lain penuntut yang mempunyai kelayakan yang lebih baik harus diberi keutamaan.

Mereka ini tidak kira bangsa asalkan rakyat Malaysia. Oleh itu mereka harus ada hak yang sama dan juga menerima peluang dan layanan yang sama adil dan saksama. Jika mereka yang berkelayakan yang lebih bagus ditahan di luar pintu Institusi-institusi Pelajaran Tinggi ianya akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di samping ini mengambil kesempatan menyeru pihak Kerajaan memberi perhatian iaitu memperbaiki atau membina semula kepada bangunan-bangunan sekolah jenis rendah di kawasan luar bandar khususnya sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil. Oleh kerana sekolah-sekolah tersebut di luar bandar sangatlah buruk kalau dibandingkan dengan bangunan-bangunan sekolah di bandar. Maka saya harap juga Kerajaan dapat mengambil perhatian untuk memperbaiki atau membina semula.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, negara kita amatlah bertuah kerana telah dapat seorang Perdana Menteri yang berkaliber tinggi dan bersikap tegas untuk memimpin Kerajaan. Sejak beliau memegang teraju memimpin Kerajaan rakyat mempunyai keyakinan penuh terhadapnya dan mereka percaya di bawah pimpinannya negara ini tetap mengorak langkah memara ke matlamatnya yang lebih besar.

Sekianlah ucapan saya.

5.22 ptg.

Tuan Ooi Gin Sun (Alor Setar): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan sukacita menyokong usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh bagi mengucapkan setinggi terima kasih di atas Titah Ucapan Di Raja semasa pembukaan sidang Dewan Parlimen yang sedang bersidang sekarang. Saya sungguh berasa bangga apabila mendengar dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Kerajaan akan memberi peluang-peluang khususnya kepada rakyat yang miskin.

Sebagai kita semua telah maklum bahawa kemiskinan terdapat di mana-mana dalam negeri ini baik di bandar-bandar, di luar-luar bandar, di kampung-kampung dan di Kampung-kampung Baru. Sebahagian dari mereka itu telah ketinggalan dan telah tidak dihiraukan buat satu masa lalu sehingga mereka itu tidak mendapat perhatian dan penjagaan penghidupan yang sempurna. Ini tidaklah keterlaluan sekiranya saya katakan dan juga di dalam kampung dan kampung-kampung baru rakyat telah tidak dapat menikmati kehidupan yang diidamkan. Tidak ada kemudahan-kemudahan bekalan air, api letrik, jalan-jalan dan taliair-taliair. Mereka itu tidak pernah merasa nikmat

tersebut sejak beberapa tahun kebelakangan dahulu. Kita harus sedar dan ingat sekiranya mereka itu tidak diberi nikmat tersebut mungkin mereka akan menjadi mangsa atau terdedah kepada pihak-pihak yang akan merugikan Kerajaan secara tidak berpihak kepada kita kalau perkara ini diabaikan. Saya berharap agar Kerajaan hendaklah mengambil perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya untuk melaksanakan dengan secepat secepatnya.

Mengenai dengan perlaksanaannya saya berharap pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama dari satu masa ke satu masa mengenai dengan pelaksanaan polisi Kerajaan telah tidak dijalankan dengan sempurna dan seimbang. Yang demikian inilah saya harap dengan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dijalankan nanti hendaknya tidak akan timbul sungutan-sungutan yang mengatakan ini tidak akan memberi apa-apa faedah kepada rakyat dan negara. Saya juga berbesar hati dan sukacita bila mendengar mengenai formula yang akan memberi bantuan tambahan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang maju, Kerajaan Negeri Kedah seperti sama-sama kita maklum mengalami kekurangan wang dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri hanya mengharap bantuan kewangannya dari pihak Kerajaan Pusat pada halnya Negeri Kedah memang terkenal dengan jolokannya negeri jelapang padi dalam negara ini.

Dalam lapangan dan bidang pertukaran wang luar Negeri Kedah telah memainkan peranannya yang besar dan berkesan seperti mana disuarakan oleh Wakil dari Jerlun-Langkawi. Oleh yang demikian, saya harap Kerajaan akan dapat memberi peruntukan dan bantuan kewangan yang khas kepada Negeri Kedah ini.

Di sini saya suka menarik perhatian Kerajaan mengenai dengan penyeludupan beras di sempadan-sempadan ke dalam negeri. Jika perkara ini tidak dipandang dengan serious dan dengan tindakan yang segera dan khas entah apa yang akan terjadi akhirnya. Untuk mengatasinya Kerajaan harus menambah pegawai-pegawai bagi meronda sempadan-sempadan untuk menjaga penyeludup beras tersebut. Kalau diabaikan nescaya petani-petani kita akan mengalami penderitaan dan kesusahan kalau sekiranya beras-beras diseludup dengan

banyaknya ke dalam negeri ini dengan harga yang lebih murah dari beras kita sendiri. Ini akan mengakibatkan petani-petani kita akan tidak menerima harga padi mereka dengan nilai yang berpatutan dan akhirnya mereka akan menderita kesusahan dan penderitaan, lebih-lebih lagi bagi mereka rakyat yang miskin di luar-luar bandar.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan akan mengemukakan perkhidmatan kesihatan, yang demikian suka saya mengambil kesempatan ini menyatakan sampailah ketikanya bagi rakyat yang miskin meringankan bebanan mereka daripada tekanan inflasi selama ini. Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa sejak kebelakangan ini pihak Rumah Sakit Besar Alor Setar telah menaikkan bayaran bagi X-ray dari \$10 kepada \$45 dan bagi bayaran ujian darah dari \$10 kepada \$25. Dengan kenaikan tersebut tanpa pengetahuan rakyat ini akan mengakibatkan kesusahan kepada mereka yang miskin. Bagi saya tidak dapat atau berdaya berbuat apa-apa untuk melegakan bebanan dan tanggungan rakyat yang miskin ini sekiranya pihak Kerajaan terus juga mengadakan bayaran yang mahal ini seperti ia dilakukan oleh pihak swasta persendirian. Saya suka berharap kepada pihak yang berkenaan dan bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang tersebut di atas itu akan memikirkan semula dengan teliti agar tidak memberat atau menyusahkan rakyat.

5.30ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara yang melibatkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dan di sini saya mengambil peluang untuk memberi jawapan, penjelasan tentang perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang telah mendakwa bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian telah menjejaskan pelaburan di negara ini. Tetapi malangnya Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi kenyataan dari segi angka-angka menunjukkan betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu bahawa kelulusan Akta ini di dalam Dewan yang

berbahagia ini pada tahun yang lepas telah pun menjejaskan perjalanan pelaburan khususnya di bidang industri di negara ini. Saya tidak menafikan oleh kerana kemerosotan ekonomi negara pada tahun lepas dan perkembangan di bidang perindustrian adalah sedikit terjejas dengan kurangnya bilangan-bilangan pemodal-pemodal yang telah melaburkan wang di dalam bidang perusahaan. Tetapi sebagaimana yang saya kata bukanlah disebabkan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian malahan sebagaimana yang saya terangkan tadi ini adalah bersabit dengan keadaan kemerosotan ekonomi pada tahun lepas. Alhamdulillah semenjak hujung tahun yang lepas hingga pada masa ini bilangan pihak-pihak yang melabur modal daripada luar negeri utamanya di dalam bidang perusahaan adalah bertambah banyak dan kian hari nampaknya bilangan permohonan-permohonan untuk mengadakan kilang-kilang perusahaan adalah agak menggalakkan.

Dalam perkara Akta Penyelarasan Perindustrian ini, suka saya menyatakan bahawa Akta ini yang sebenarnya bertujuan sebagaimana yang saya telah jelaskan pada masa-masa yang lepas untuk memastikan perkembangan yang sihat dan lebih teratur di dalam sektor perkilangan supaya dasar-dasar perindustrian negara dapat dilaksanakan dengan lebih kemas lagi agar kilang-kilang perusahaan yang telah wujud setakat ini mengikut angka yang ada pada kita, dan ini adalah berjumlah lebih kurang 2,440 buah. Kilang-kilang ini dapat kita kawali dengan tujuan supaya tidak bangkit-bangkit berbagai-bagai masalah. Kalau sekiranya kilang-kilang ini bergerak dengan tidak ada kawalan langsung, sebagaimana yang saya telah jelaskan dahulu lebih kurang 80% daripada kilang-kilang yang bergerak pada masa itu tidak ada di dalam kawalan kita, oleh kerana kilang-kilang ini telah ditubuhkan dan pihak-pihak yang melabur modal tidak memohon satu-satu galakkan di bawah Undang-undang Galakkan dan dengan itu dia tidak terkawal di bawah undang-undang yang berkenaan itu. Jadi dengan kerana itu berbagai-bagai masalah telah bangkit. Masalahnya sebagaimana Tuan Yang di-Pertua mungkin maklum ialah masalah ke-otoran alam sekitar polusi di mana kita ada bukti menunjukkan bahawa kilang-kilang yang tidak dikawal oleh undang-undang ini bergerak dengan tidak dikawal khususnya

dalam perkara kekotoran alam sekitar. Kita telah terima banyak laporan umpamanya, ikan di sungai mati dengan begitu banyak oleh kerana terdapat minyak kekotoran daripada kilang-kilang seperti kilang kelapa sawit yang telah dicurahkan ke dalam sungai itu, dengan tidak ada pihak-pihak yang berkenaan mengenakan kawalan di atas perkara ini. Ini adalah satu daripada bukti yang menunjukkan dalam mana perjalanan kilang-kilang itu kalau tidak dikawali akan membangkitkan berbagai-bagai masaalah.

Bidang perusahaan khususnya di bidang pengeluaran ataupun manufacturing industry adalah satu bidang yang penting dari segi kegiatan ekonomi negara yang bukan sahaja melibati penanaman modal yang banyak tetapi melibatkan lain-lain perkara yang mesti diberi kawalan yang mencukupi supaya perjalanan kilang-kilang perindustrian ini selaras dengan dasar-dasar polisi negara. Jadi inilah sebabnya diadakan undang-undang ini tetapi malangnya oleh kerana ada setengah-setengah pihak yang barangkali kurang memahami di atas tujuan-tujuan sebenar undang-undang ini ditambah pula oleh kenyataan-kenyataan yang sengaja dibuat untuk mengelirukan orang ini dan berbagai-bagai ramalan yang kurang sihat telah berbangkit terhadap undang-undang ini. Jadi dengan adanya perkara kurang faham di kalangan orang-orang yang tertentu ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengaturkan perjumpaan-perjumpaan dengan golongan-golongan atau pihak badan-badan yang tertentu untuk mengadakan seminar di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar lain seperti Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru hingga ke Sarawak dan Sabah supaya dapat pihak kami menerangkan dengan seterang-terangnya tujuan undang-undang yang berkenaan ini. Alhamdulillah nampaknya dengan diadakan seminar-seminar dan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkenaan ini kekeliruan dan ramalan-ramalan yang kurang sihat berkenaan dengan undang-undang ini nampaknya telah dapat diatasi, dihapuskan dan kita memandang kepada masa tidak lama lagi dalam mana peraturan-peraturan atau regulations di bawah undang-undang ini yang telah diadakan, diproses dan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin bagi mendapat kuatkuasa di bawah undang-undang ini dan menjalankan

faedah pelabur-pelabur modal di kilang-kilang yang ada bergerak dalam negara kita sekarang ini.

Saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang telah menyokong usaha-usaha Kerajaan memperluaskan penempatan kilang-kilang perindustrian ke luar bandar untuk mengujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Ini memanglah menjadi dasar utama perindustrian Kerajaan dalam usaha Kerajaan hendak mengadakan peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar, menyebarkan, meluaskan pengetahuan teknologi moden dan juga menggalakkan penyertaan-penyertaan orang-orang yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar di lapangan perdagangan dan perindustrian. Kerajaan Pusat adalah menyediakan beberapa rupa galakan untuk menarik lebih ramai lagi para pelabur mendirikan projek-projeknya di kawasan-kawasan luar bandar, umpamanya dengan adanya galakan penempatan (locational incentive) yang memberikan pelepasan cukai kepada para pelabur sehingga ke masa 10 tahun. Dalam pada itu Kerajaan-kerajaan Negeri adalah memberikan juga perhatian yang berat terhadap kemajuan perindustrian ini di kawasan-kawasan luar bandar di negeri-negeri masing-masing dengan memajukan kawasan-kawasan perindustrian yang sesuai melalui usaha Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing. Dari segi perangkaan sejumlah 461 buah projek yang diluluskan pada tahun lalu (1975), 297 ataupun 57.9% adalah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju dan peratus ini jika dibandingkan dengan 52.6% bagi tahun 1974 jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha Kerajaan menggalakkan lebih banyak kilang-kilang perindustrian di kawasan-kawasan luar bandar sedang berjalan dengan mendapat kejayaan yang agak menggalakkan.

Perkara yang serupa juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Kepada beliau juga saya suka mengucapkan ribuan terima kasih. Dan dengan penjelasan yang telah saya beri, saya harap Ahli Yang Berhormat akan menyedari pendirian dan dasar cara-cara perlaksanaan dan serba-serbi kemajuan yang telah kita capai dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyentuh perkara-perkara mengenai pencemaran alam seperti kekotoran udara, bau busuk dan kekotoran sungai akibat dari penubuhan kilang-kilang perindustrian di kawasan kediaman seperti di kampung-kampung, tadi saya telah menyentuhnya. Ini menekankan lebih-lebih lagi keperluan bagi kita mengadakan Akta yang saya katakan tadi iaitu Akta Penyelarasan Perindustrian. Dengan adanya Akta itu apabila dilaksanakan kelak perkara-perkara sebagaimana yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita atasi.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa memanglah menjadi dasar Kerajaan dalam menubuhkan kilang-kilang perindustrian supaya kilang-kilang itu mengeluarkan perkara-perkara yang tidak boleh mencemarkan alam secara kotor dan menjadi mudharat kepada orang-orang yang duduk disekitar kawasan kilang-kilang yang berkenaan itu. Tiap-tiap kelulusan kita bagi ada kita kenakan syarat-syarat. Buat masa ini pun dalam pada belum berjalan kuatkuasa undang-undang yang saya sebutkan tadi dalam mana pihak yang menguruskan kilang itu mestilah mencari jalan dan ikhtiar untuk mengatasi kemungkinan berbangkitnya masalah kekotoran alam sekitar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah menggesa Kerajaan membenarkan impot barang-barang yang mana bekalannya tidak mencukupi dalam negara ini, umpamanya kain batik untuk perusahaan batik. Di sini saya suka menjelaskan memang inilah menjadi dasar dan amalan kita. Baru-baru ini saya telah meluluskan selepas ditemui oleh ahli-ahli Persatuan Batik di Kelantan juga pada masa saya di Kota Bharu oleh Ahli-ahli Persatuan Batik di Trengganu. Saya telah membenarkan pengimpotan kain-kain putih untuk pembatik-pembatik di Kelantan dan Trengganu dalam pada pengimpotan kain putih pada masa ini dilarang oleh kerana kita ada mempunyai satu kilang mengeluarkan kain putih di Kajang dan saya telah membenarkan kemasukan kain putih di Kelantan dan Trengganu dengan tujuan mengatasi masalah yang saya dengar dan saya percaya dihadapi oleh pembatik-pembatik di kedua-dua negeri itu dalam perkara kekurangan kain putih untuk membuat kain batik di Kelantan dan Trengganu. Sebagaimana saya katakan tadi kalau sekiranya berbangkit

satu-satu issue menunjukkan bahawa perbekalan satu-satu barang keperluan itu kurang dan tidak ada kilang-kilang dalam negara ini yang boleh mengeluarkan barang-barang yang diperlukan itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedia menimbangkan satu-satu permohonan daripada mana-mana pihak untuk mengimpot barang-barang itu untuk mengatasi masalah kekurangan yang dihadapi oleh mereka itu.

Jadi itulah sahaja penjelasan dan jawapan saya. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang berkenaan yang telah membawa perkara itu di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan mungkin ada yang saya tidak sentuh tetapi dalam pada itu saya sedia menerima sahaja pandangan dan perhatian daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin telah membangkitkan satu-satu issue perkara yang tidak saya sentuh di dalam jawapan ini dan saya bersedia memberi apa sahaja penjelasan dan penerangan yang perlu yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

5.45 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merojok kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dalam perbahasan atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berhubung dengan masalah pencemaran di Pulau Pinang. Rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi telah menjelaskan perkara yang berbangkit.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya sedar di atas masalah-masalah tersebut dan langkah-langkah sedang diambil untuk bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengawal keadaan tersebut. Dalam hubungan ini saya ingin menyatakan di sini bahawa Bahagian Alam Sekitar dalam Kementerian saya sedang merancang satu rancangan untuk mengawal semua jenis pencemaran dengan cara sistematik termasuk pelepasan-pelepasan gas ke udara, bahan-bahan toxic ke dalam saluran air dan tempuhan minyak ke dalam kawasan perairan kita. Semua rancangan itu sudah

tentu memerlukan kerja-kerja yang intensif, masa yang banyak oleh kerana ianya melibatkan satu kajian yang menyeluruh terhadap masalaah yang dihadapi dan juga kerja-kerja untuk merangka standard untuk kawalan. Di samping itu Bahagian Alam Sekitar dalam Kementerian saya juga memberi perhatian yang berat di atas masalaah-masalaah pencemaran perairan dan di dalam hubungan ini satu rancangan sedang dirangkakan untuk mengawal pencemaran daripada pencemaran minyak.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh barangkali sedia maklum bahawa Kerajaan kita telah bersetuju menjadi tuan rumah kepada bengkel antarabangsa mengenai "Marine pollution in Eastern Asian waters" yang sedang diadakan di Pulau Pinang mulai daripada pagi esok. Kami berharap agar perakuan-perakuan yang akan dikemukakan dalam bengkel tersebut akan dapat membantu Kerajaan di dalam program-program yang lebih lanjut.

5.50 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran mengenai Kementerian saya semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Segala teguran-teguran dan pandangan-pandangan itu adalah di dalam perhatian Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka malangnya beliau tiada di sini beliau bercakap pada 31hb Mac, 1976 di Dewan ini berkenaan dengan bidang tugas Suruhanjaya Penyiasatan Kematian Bayi-bayi di Hospital Besar, Melaka sukaiah saya menyatakan bahawa bidang tugas yang telah ditetapkan itu telah dibuat berpandukan kepada taligeram yang telah dikirimkan oleh Yang Berhormat itu sendiri kepada saya pada 3hb Disember 1975. Tugas Suruhanjaya itu adalah seperti yang telah diisytiharkan dalam *Gazette* bertarikh 11hb Mac, 1976. Untuk menentukan kedudukan pada tarikh tersebut, terpulanglah kepada kebijaksanaan Suruhanjaya itu membuat penyiasatan apa yang telah berlaku sebelum dan selepas tarikh berkenaan. Perkara ini juga ditimbulkan lagi

oleh beliau pada petang ini dalam masa saya menjawab jawapan kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan petang ini.

Saya cukup hairan kenapa Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Melaka sentiasa bertukar-tukar perkataannya daripada satu saat ke satu saat yang lain dan saya tak dapatlah menerima kehendak beliau yang sedemikian itu kerana bidang tugas yang telah ditetapkan itu telah dibawa ke Mesyuarat Jumaah Menteri mengikut tarikh-tarikh yang diberi oleh beliau dalam taligeramnya dan juga telahpun diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa beliau hanyalah seorang ahli daripada kawasan Kota Melaka sahaja dan oleh itu tidaklah boleh menyuarakan seolah-olah beliau wakil seluruh Negeri Melaka. Beliau hanya boleh menyuarakan bagi pihak satu kawasan Kota Melaka sahaja jikalau beliau mempercayai perinsip-perinsip demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya menasihatkan Yang Berhormat sebagai rakan muda dalam Dewan yang mulia ini biarlah bercermat sedikit dalam ucapan beliau mengenai Suruhanjaya Penyiasatan ini kerana Suruhanjaya ini adalah satu badan yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidaklah wajar dan manis jika beliau membuat apa-apa kenyataan sebelum Suruhanjaya itu memulakan tanggungjawab dan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Baram pada 2hb April, 1976 pula, Kementerian saya telah memberi keutamaan kepada usaha-usaha meninggikan taraf kesihatan luar bandar di Sarawak. Di Baram khasnya, perkhidmatan "Doktor Terbang" atau "Flying Doctor" telahpun dilancarkan. Sebuah Pusat Kesihatan Kecil telah juga dibina dan pada masa ini kerja-kerja memperbaiki Hospital Marudi sedang dijalankan. Sarawak ialah sebuah negeri yang besar dan saya sendiri sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya telah melawat tiap-tiap kawasan di Negeri Sarawak dan saya difahamkan apakah kesulitan-kesulitan yang telah ditimbulkan di tiap-tiap kawasan daripada

negeri Sarawak itu, dan juga kempen-kempen pelajaran kesihatan dan sekim-sekim memperbaiki kesihatan luar bandar sedang dipergiatkan lagi di Negeri Sarawak. Dengan cara ini, adalah diharapkan penyakit-penyakit akibat cacing kerawit dapat dikurangkan, akan tetapi langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini diharap rakyat akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai perubatan serta juga kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian saya adalah satu kempen yang sangat berguna itu dapat dijalankan dengan lalin serta juga berbagai-bagai penyakit-penyakit itu akan diharapkan mengurangkan atau hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan air, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah \$½ juta telah diperuntukkan untuk mengadakan perbekalan air dan untuk membina tandas-tandas sedang dijalankan juga di Sarawak, bukan negeri Sarawak sahaja akan tetapi di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Sungguhpun pembekalan air ini bukanlah tanggungjawab Kementerian saya, akan tetapi Kementerian ini menjalankan berbagai-bagai langkah yang sesuai supaya penyakit-penyakit yang berjangkit itu boleh dihapuskan, dengan tujuan itu Kementerian saya telah mengambil berat untuk memberikan bekalan air kepada kampung-kampung yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penamban kakitangan kesihatan, Kementerian saya melantik seramai 15 orang Penyelia Kesihatan Luar Bandar (Rural Health Supervisors) tiap-tiap tahun dan juga kategori-kategori kakitangan lain. Oleh itu, masalah kekurangan kakitangan tidaklah timbul.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Baram suka saya memaklumkan bahawa kejadian penyakit demam malaria di perbatasan di antara Sabah dan Sarawak dan Kalimantan Timor telah diketahui dan langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Satu daripada langkah-langkah ini ialah mengadakan mesyuarat sempadan di antara Indonesia Singapura-Malaysia baru-baru ini di Jakarta pada 25hb-26hb Februari, 1976 berkaitan dengan malaria, anjuran bersama Badan Kesihatan Sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, syor-syor yang telah dibuat di dalam mesyuarat itu adalah seperti berikut:

(a) Setelah mengkaji kedudukan penyakit demam malaria dan masalah perbatasan di antara negara-negara yang mengambil bahagian dan memahami pentingnya perundingan bersama dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan malaria dan lain-lain bidang Kesihatan mengesyorkan yang:

(i) Mesyuarat di antara negara diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa 2 tahun;

(ii) Mesyuarat tidak rasmi diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam enam bulan di antara kakitangan Kesihatan di daerah perbatasan;

(iii) Makluman Kajipenyakit yang lengkap bagi penyakit malaria terutama sekali penyakit-penyakit yang di bawa masuk dihantarkan kepada pihak berkenaan kesihatan perbatasan dengan segera;

(iv) Perhatian istimewa hendaklah diberikan untuk melaksanakan pekerjaan mengawal malaria kepada daerah-daerah perbatasan seperti berikut:

Nunukan dan pulau-pulau Sebatik di Kalimantan Timor dan Sabah;

Daerah-daerah kecil Paloh, Sekura, Sejangkang, Seluas, Sekanjang dan Badau di Kalimantan Barat;

Bintan dan Pulau-pulau Batam di Wilayah Riau.

(b) Mengambil tahu tentang bertambahnya merbahaya jangkitan malaria di dalam usaha-usaha perhutanan, perlombongan dan lain-lain usaha-usaha pembangunan dan perniagaan. Mengambil tahu selanjutnya yang banyak projek-projek ini ialah mengenai usaha-usaha mengawal malaria, mengesyorkan:

Undang-undang hendaklah diadakan apabila perlu untuk menentukan projek-projek tersebut mengadakan kemudahan-kemudahan mengawal malaria yang berkesan di dalam Kawasan Operasinya.

- (c) Keputusan juga diambil untuk memahami ujudnya keadaan yang serupa di dalam bidang Kajipenyakit di dalam negara-negara yang mengambil bahagian dan faedah mengadakan koordinasi di dalam latihan. Mengesyorkan iaitu, kemungkinannya dicari untuk menyediakan latihan di antara negara di dalam bidang malaria. Negara-negara yang mengambil bahagian sudah mulai melaksanakan syor-syor mesyuarat ini.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Sungai Petani, suka saya memaklumkan bahawa teguran-teguran mengenai Hospital tersebut telah diambil perhatian dan ingatan oleh Kementerian saya. Saya juga suka memaklumkan kepada beliau bahawa Kementerian saya ada rancangan untuk membaharui Hospital Daerah Sungai Petani secara berperingkat-peringkat. Kementerian saya telah mengemukakan cadangan membina sebuah Hospital di kawasan Sik dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk diluluskan.

Berkenaan dengan masaalah yang ditimbulkan di Hospital Sungai Petani saya mengakui ianya sebuah hospital yang lama yang memerlukan satu kawasan yang besar, ini telah menimbulkan berbagai-bagai masaalah yang dialami pada masa yang sudah. Begitu juga hospital ini bilangan doktornya telah bertambah dan sekarang kita mengadakan enam orang doktor perubatan yang biasa serta juga enam orang doktor pakar, jadi jumlah 12 doktor disediakan, tetapi kadangkala ada doktor yang tidak sihat mengambil cuti dan seorang doktor terpaksa menggantikannya. Ini telah menimbulkan masaalah yang telah dilaporkan di dalam akhbar-akhbar baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan dan pentadbiran di hospital kecil telah diambil berbagai langkah yang tertentu untuk melicinkan pentadbiran hospital dan juga menjimatkan perbelanjaan di hospital-hospital yang ada di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Ledang pada 2hb April, 1976 suka saya memaklumkan bahawa layanan kesihatan luar bandar telah dibaiki sejak merdeka. Jika dibandingkan kedudukan kesihatan luar bandar sekarang dengan tahun 1960, pada tahun 1960 cuma ada sebuah kelinik bidan bagi tiap-tiap 125,000 penduduk. Sekarang ada sebuah

kelinik bidan bagi tiap-tiap 4,700 penduduk luar bandar. Pada tahun 1960 ada sebuah Pusat Kesihatan bagi tiap-tiap 350,000 penduduk. Sekarang ada sebuah pusat kesihatan bagi tiap-tiap 22,000 penduduk di luar bandar. Pada pendapat Kementerian saya kemajuan ini boleh dikatakan satu kejayaan yang cemerlang. Akan tetapi Kementerian saya tidak puas hati dan kita akan menambah lagi untuk menaikkan Pusat Kesihatan Kecil yang ada sekarang ke peringkat Pusat Kesihatan Besar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan kita harap pada Rancangan Malaysia Ketiga ini kita mendapatkan seorang doktor untuk berkhidmat khususnya di kawasan luar bandar bukan untuk 22,000 orang penduduk akan tetapi lebih kurang untuk 10,000 orang penduduk di luar bandar. Ini memerlukan berbagai-bagai kategori supporting staff ditambah di tiap-tiap Pusat Kesihatan Besar seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jururawat Kesihatan, Jururawat Pergigian, Pembantu Hospital, Pembancuh Ubat, Pembantu Makmal (Lab. Assistant) dan sebagainya. Dengan tujuan ini pada hari ini kita telah mengadakan lebih daripada 4,716 orang penuntut-penuntut yang sedang diberi latihan di sekolah-sekolah yang berkenaan di Semenanjung Malaysia untuk memperluaskan lagi perkhidmatan perubatan, kesihatan serta juga pergigian khususnya di kawasan luar bandar. Kita harap dengan kakitangan yang bertambah ini kita akan mendirikan berbagai-bagai Pusat Kesihatan Besar pada masa akan datang dan tiap-tiap satu kawasan mengadakan Pusat Kesihatan Besar sekurang-kurangnya bagi tiap-tiap daerah sebuah hospital daerah akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pada masa akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan sedar bahawa masih lagi terdapat gerakan perkhidmatan kesihatan di beberapa kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, kedudukan ini sedang dibaiki dan akan dibaiki lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang saya telah sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah sementara 26 Pasukan Bergerak yang diketuai oleh doktor telah memberikan layanan di tempat-tempat terpencil dan bilangan pasukan ini akan ditambah lagi untuk memberi perkhidmatan buat sementara hingga satu masa di mana kemudahan klinik ditempatkan kelak. Tuan Yang di-Pertua, suka

saya menerangkan mustahil dapat menempatkan kemudahan-kemudahan klinik di tiap-tiap kampung dan kemudahan-kemudahan sahaja tidak akan memberi faedah sepenuhnya jika tidak diberikan sokongan dan sambutan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk. Oleh itu, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini untuk mencari jalan bagaimanakah satu peraturan dapat dilaksanakan di mana kemudahan-kemudahan dalam masyarakat tempatan (local community resources) dapat digunakan sebagai perhubungan (liaison) di antara penduduk-penduduk dengan Pejabat Kesihatan atau sebagai membantu usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan perkara kesihatan di kalangan masyarakat desa. Dengan peraturan ini kelak dapatlah usaha dan tenaga tempatan digerakkan untuk bekerjasama dengan Kerajaan bagi meninggikan taraf kesihatan melalui semangat gerakan pembaharuan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Seri Ledang, suka saya menerangkan bahawa sebuah klinik desa sudah pun ada di Bukit Serampang di mana seorang jururawat desa ditempatkan dan bukannya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai saya supaya dasar-dasar yang ditentukan oleh Kementerian saya akan dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Tidak lama lagi barangkali dalam masa tiga bulan lagi satu peraturan baharu akan dikuatkuasakan berkaitan dengan pelawat-pelawat hospital. Kita di Semenanjung Malaysia mengadakan 48 buah hospital daerah serta juga 11 buah hospital besar di tiap-tiap negeri. Semua hospital-hospital daerah ini ada satu pertubuhan satu Lembaga Pelawat Hospital. Pada masa yang lalu ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital ialah melalui recommendation daripada Pegawai Daerah yang disampaikan kepada Kementerian saya untuk kelulusan Kementerian Kesihatan. Berdasarkan pengalaman masa yang lampau kita fikir peraturan ini tidak berapa sesuai lagi. Oleh itu kita harapkan satu peraturan yang baharu akan menentukan fungsi-fungsi ahli-ahli yang berkenaan sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Fungsi-fungsi itu akan diaturkan tidak berapa lama lagi dan saya harap Ahli-ahli Parlimen khususnya di tiap-tiap kawasan itu boleh menjadi Ahli

Lembaga Pelawat Hospital. Ini memberi satu peluang kepada semua Ahli-ahli Parlimen serta juga Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital untuk bertugas dan memahami dasar-dasar di bawah Kementerian Kesihatan serta juga menolong Kerajaan kita untuk menaikkan taraf perkhidmatan yang berkesan, serta juga mengurangkan teguran-teguran (complaint) daripada pesakit-pesakit yang ada pada hari ini. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan bekerjasama dengan semua pegawai-pegawai yang bertugas di tiap-tiap hospital daerah serta juga hospital besar di seluruh negara. Dengan tujuan ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa menimbulkan berbagai masalah di Parlimen ini akan dapat dikurangkan pada masa yang akan datang. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat ini boleh mengambil peranan yang besar serta juga peranan yang penting supaya perasaan muhibbah antara pegawai-pegawai perubatan serta juga pesakit-pesakit di kawasan masing-masing akan dapat bekerja dengan lebih rapat lagi pada masa akan datang.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai teguran. Jikalau saya tidak dapat menjawab dengan jelas dan dengan cukup terang, saya minta maaf dan ampun dan apa-apa cadangan dan pandangan itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kewangan.

6.21 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur kehadiran Illahi kerana berpeluang berucap dalam Dewan yang mulia hari ini buat kali pertamanya bukan sahaja setelah memegang jawatan baru tetapi semenjak dipilih sebagai seorang anggota Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu satu keistimewaan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Terima kasih. Dalam beberapa hari ini saya telah mengikuti perjalanan mesyuarat Dewan yang mulia ini dengan penuh minat dan

mendapati bahawa pandangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sangatlah berfaedah sekali. Walaupun ada beberapa teguran tetapi pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menyokong dasar yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini. Saya inginlah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pendapat-pendapat dan ulasan-ulasan yang telah dikemukakan semasa membahaskan Titah Di Raja ini. Sementara itu saya suka juga mengambil peluang ini untuk menyentuh dan juga menerangkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam masa perbahasan Titah Di Raja ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rayuan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh supaya Kerajaan membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan caruman mereka dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja lebih awal dari had umur yang ditetapkan, saya suka menerangkan di sini bahawa rayuan seperti ini telah dikemukakan kepada Kerajaan pada tahun 1967 dan 1968 dan akibat dari rayuan ini Kerajaan telah membuat keputusan bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 di mana pencarum-pencarum boleh mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka pada masa umur 50 tahun untuk sebarang kegunaan. Kemudian pada tahun 1974 pula Kerajaan telah mengkaji semula perkara ini dengan tujuan untuk membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang mereka terlebih awal lagi dan didapati hanya 18% sahaja daripada pencarum-pencarum yang berumur antara 36-55 tahun yang mempunyai wang lebih daripada \$4,000. Ini bermakna hanya sebahagian kecil sahaja pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mendapat faedah untuk membeli rumah jika cadangan tersebut diluluskan oleh Kerajaan. Pencarum-pencarum yang berpendapatan rendah tidak mempunyai cukup wang untuk tujuan membeli rumah jika caruman mereka dikeluarkan. Walau bagaimanapun, satu lagi kajian sedang dijalankan dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberitahu keputusannya bila lapuran tersebut telah siap. Begitu juga Kerajaan akan menguntukkan satu jumlah

yang besar kepada Kementerian Perumahan dan Pembangunan Kampung untuk projek rumah murah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Wang pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dilaburkan juga dalam Surat-surat Jaminan Kerajaan. Pelaburan ini adalah yang paling selamat dan wang tersebut digunakan untuk projek-projek pembangunan Kerajaan bagi memberi faedah kepada semua rakyat di Malaysia. Ini bermakna wang pencarum-pencarum telah ditadbirkan dengan baik dan dilaburkan dengan selamat.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 1hb April, 1976 supaya Kerajaan menghapuskan syarat-syarat yang boleh menghalang penyertaan Bumiputra di dalam sebarang kerja-kerja kontrak, tender-tender dan lain-lain perusahaan yang diperuntukkan 30% kepada bumiputra. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat itu bahawa bagi kontrak-kontrak dengan Kerajaan tidak ada syarat-syarat yang menghalang penyertaan bumiputra. Sebaliknya Kerajaan telah mengadakan dasar-dasar tertentu bagi tender-tender dan kontrak Kerajaan yang bertujuan untuk mengadakan lebih ramai bumiputra mengambil bahagian di dalam bidang ini. Dalam hal ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 30% daripada kontrak kerja kepada bumiputra. Segala kontrak-kontrak kerja yang bernilai \$25,000 ke bawah hanya diberi kepada bumiputra. Bagi kontrak-kontrak bekalan pula Kerajaan telah memberi keutamaan kepada bumiputra mengikut kadar-kadar keutamaan yang tertentu.

Mengenai sungutan Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi di atas cara pembahagian wang kepada Negeri-negeri, saya suka menyatakan bahawa pada masa ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri menerima pemberian-pemberian berkanun dari Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia seperti pemberian mengikut bilangan rakyat, pemberian bagi menyelenggarakan jalanraya dan lorong belakang, serahan 10% cukai eksport bijih timah, serahan cukai eksport bijih besi, serahan sebahagian cukai eksport lain-lain galian. Oleh kerana rancangan pembangunan negara berjalan dengan pesatnya, punca-punca kewangan yang banyak bukan sahaja

diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan malahan juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Keperluan ini bukan sahaja untuk projek-projek pembangunan tetapi juga untuk belanja mengurusnya. Masaalah kewangan ini lebih-lebih lagi dirasakan oleh negeri-negeri yang miskin seperti negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu.

Menyedari akan masaalah-masaalah di atas, perbendaharaan telahpun mengemukakan dua cadangan di dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara baru-baru ini bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu cadangan bagi meminda kadar pemberian mengikut (i) kiraan kepala; dan (ii) pemberian pertambahan hasil. Pada keseluruhannya mesyuarat telah bersetuju dengan

cadangan-cadangan tersebut. Rang Undang-undang sedang digubal dan dijangka akan dapat dibentangkan di dalam Persidangan Dewan ini yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka menyambung ucapan pada hari esok?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Boleh juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 7hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.